Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada Nilai Ditambah Kasar e-dagang dengan komposisi sebanyak 51.7 peratus (RM133.5 bilion), diikuti oleh sektor Perkhidmatan sebanyak 45.4 peratus seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 1.2**.


**Carta 1.2: Nilai Ditambah Kasar E-Dagang:
Nilai, Perubahan Peratusan Tahunan dan Peratus Sumbangan**



1.4 PENGELUARAN PRODUK TMK MENGIKUT INDUSTRI

Industri yang mengeluarkan produk TMK bertumbuh 5.3 peratus pada tahun 2024 (2023: 3.7%) dengan nilai RM282.5 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh prestasi yang lebih baik dalam industri pembuatan TMK iaitu 7.5 peratus (2023: 2.4%) dan perdagangan TMK 4.6 peratus (2023: 3.5%). Perkhidmatan TMK dan pembuatan TMK mendominasi keseluruhan pengeluaran produk TMK, masing-masing menyumbang sebanyak 37.3 peratus dan 34.7 peratus seperti di **Carta 1.3**.


**Carta 1.3: Industri TMK dan Industri Bukan TMK yang Mengeluarkan Produk TMK:
Nilai, Perubahan Peratusan Tahunan dan Peratus Sumbangan**



1.5 PENAWARAN DAN PENGGUNAAN PRODUK TMK

Penawaran dan penggunaan produk TMK mencatatkan pertumbuhan dua digit 20.6 peratus menjana nilai RM1.2 trilion pada tahun 2024. Penawaran produk TMK diterajui oleh pengeluaran domestik dengan sumbangan 71.4 peratus, diikuti oleh import produk TMK 27.8 peratus. Pada masa yang sama, penggunaan perantaraan produk TMK mencatatkan sumbangan 46.7 peratus, manakala eksport produk TMK menyumbang 37.9 peratus kepada jumlah penggunaan TMK seperti di dalam **Carta 1.4**.

**Carta 1.4: Penawaran dan Penggunaan Produk TMK:
Nilai, Perubahan Peratusan Tahunan dan Peratus Sumbangan**




1.6 EKSPORT DAN IMPORT PRODUK TMK

Eksport produk TMK memulih kepada 4.4 peratus pada tahun 2024 berbanding penurunan 5.2 peratus pada tahun sebelumnya dengan merekodkan nilai RM449.7 bilion. Peningkatan ini disumbang oleh eksport barangan TMK yang mencatatkan pertumbuhan 3.2 peratus berbanding penguncupan 5.5 peratus pada tahun 2023. Eksport TMK menyumbang 32.6 peratus kepada jumlah keseluruhan eksport Malaysia.

Walau bagaimanapun, import produk TMK merekodkan peningkatan ketara sebanyak 22.2 peratus kepada RM329.9 bilion berbanding penyusutan 14.0 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai RM269.9 bilion. Pertumbuhan dua digit ini dipengaruhi oleh peningkatan barangan TMK sebanyak 25.2 peratus (2023: -17.8%). Import TMK menyumbang 25.9 peratus kepada jumlah keseluruhan import pada tahun 2024.

Secara keseluruhan, eksport bersih produk TMK mencatatkan lebih dengan nilai RM119.8 bilion pada tahun 2024 seperti yang digambarkan dalam **Rajah 1.2**.

**Rajah 1.2: Eksport dan Import Produk TMK:
Nilai dan Perubahan Peratusan Tahunan**



Nota:


Perubahan peratusan tahunan

b Bilion

1.7 KOMPONEN PENDAPATAN INDUSTRI TMK

Jumlah pendapatan industri TMK merekodkan RM268.7 bilion dengan pertumbuhan 5.3 peratus pada tahun 2024 (2023: 3.7%). Pampasan pekerja mencatatkan nilai sebanyak RM90.1 bilion atau 33.5 peratus kepada jumlah pendapatan industri TMK. Sementara itu, lebih kendalian kasar menyumbang sebanyak 65.7 peratus, manakala cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import sebanyak 0.8 peratus seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 1.5**.


**Carta 1.5: Komponen Pendapatan Industri TMK:
Nilai, Perubahan Peratusan Tahunan dan Peratus Sumbangan**



1.8 GUNA TENAGA DALAM INDUSTRI TMK

Guna tenaga dalam industri TMK merekodkan 1.25 juta orang dengan sumbangan 7.6 peratus kepada keseluruhan guna tenaga di Malaysia. Industri pembuatan TMK merupakan penyumbang terbesar sebanyak 35.3 peratus diikuti oleh perkhidmatan TMK (28.9%) dan perdagangan TMK (23.2%) seperti yang dipaparkan dalam **Carta 1.6**.

**Carta 1.6: Guna Tenaga dalam Industri TMK:
Nilai, Perubahan Peratusan Tahunan dan Peratus Sumbangan**



Nota:

Sumber: Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi, 2024


1. PERFORMANCE OF INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT)

The Information and Communication Technology Satellite Account (ICTSA) provides statistics of the Information and Communication Technology (ICT) industry and non-ICT industries producing ICT products, the supply and use of ICT products, exports & imports of ICT products, income components and employment in the ICT industry. Meanwhile, the Gross Value Added of the ICT Industry (GVAICT), e-commerce and the contribution of ICT to the economy which are among of the components of the digital economy are also included in this publication. These statistics are presented by industries and products related to ICT at current prices.

1.1 CONTRIBUTION OF ICT TO THE ECONOMY

The ICT of economy consists of ICT industry and e-commerce. The ICT contributed 23.4 per cent or RM451.3 billion to the Malaysia's economy in 2024. The GVAICT accounted for 13.9 per cent while e-commerce of non-ICT industries contributed 9.5 per cent. In terms of growth, ICT and e-commerce grew by 5.1 per cent compared to 3.5 per cent in the preceding year, as in **Chart 1.1**.

**Chart 1.1: ICT Contribution to the Economy:
Value, Annual Percentage Change and Percentage Share**




Note:
b Billion

1.2 PERFORMANCE OF ICT INDUSTRY

The GVAICT recorded RM268.7 billion with a growth of 5.3 per cent in 2024 (2023: 3.7%). The growth was supported by the ICT manufacturing industry which expanded by 7.4 per cent compared to 2.4 per cent in the preceding year. The ICT services and ICT manufacturing industries were the main contributors to GVAICT, accounting for 40.1 per cent and 38.5 per cent, respectively as shown in **Figure 1.1**

Figure 1.1: Gross Value Added of ICT Industry (GVAICT): Value, Annual Percentage Change and Percentage Share




1.3 GROSS VALUE ADDED OF E-COMMERCE

The Gross Value Added of e-commerce recorded RM258.2 billion grew by 4.7 per cent in 2024 compared to 3.0 per cent in the previous year. Hence, e-commerce stood at 13.4 per cent of economy, comprising of 3.9 per cent from ICT industries and 9.5 per cent from non-ICT industries.

The Manufacturing sector remained the largest contributor to the Gross Value Added of e-commerce with a composition of 51.7 per cent (RM133.5 billion), followed by the Services sector at 45.4 per cent, as shown in **Chart 1.2**


**Chart 1.2: Gross Value Added of E-Commerce:
Value, Annual Percentage Change and Percentage Share**



1.4 PRODUCTION OF ICT PRODUCTS BY INDUSTRY

The production of ICT products increased by 5.3 per cent (2023: 3.7%) reaching a value of RM282.5 billion. The growth was driven by better performance in the ICT manufacturing industry which was 7.5 per cent (2023: 2.4%) and ICT trade, 4.6 per cent (2023: 3.5%). ICT services and ICT manufacturing dominated overall ICT products, contributed 37.3 per cent and 34.7 per cent, respectively as shown in **Chart 1.3**.


**Chart 1.3: ICT Industry and Non ICT Industries that Produce ICT Products:
Value, Annual Percentage Change and Percentage Share**



1.5 SUPPLY AND USE OF ICT PRODUCTS

The supply and use of ICT products registered a double-digit growth of 20.6 per cent, generating a value of RM1.2 trillion in 2024. Supply of ICT products was led by domestic production with a share of 71.4 per cent, followed by imports of ICT products at 27.8 per cent. Concurrently, the intermediate use of ICT products accounted for 46.7 per cent, while exports of ICT products contributed 37.9 per cent to the total use of ICT as shown in **Chart 1.4**.

**Chart 1.4: Supply and Use of ICT Products:
Value, Annual Percentage Change and Percentage Share**




1.6 EXPORTS AND IMPORTS OF ICT PRODUCTS

Exports of ICT products rebounded 4.4 per cent in 2024 compared to a decline of 5.2 per cent in the previous year, recording a value of RM449.7 billion. The improvement was attributed to exports of ICT goods, which registered a growth of 3.2 per cent compared to a contraction of 5.5 per cent in 2023. ICT exports accounted for 32.6 per cent of Malaysia's total exports.

Nevertheless, imports of ICT products recorded a sharp increase of 22.2 per cent, against to a decline of 14.0 per cent in the preceding year, with a total value of RM329.9 billion (2023: RM269.9 billion). This double-digit growth was driven by a 25.2 per cent increase in ICT goods (2023: -17.8%). ICT imports accounted for 25.9 per cent of the total imports in 2024.

Overall, net exports of ICT products posted a surplus with a value of RM119.8 billion in 2024 as illustrated in **Figure 1.2**.

**Figure 1.2: Exports and Imports of ICT Products:
Value and Annual Percentage Change**



Note:


Annual percentage change

b Billion

1.7 INCOME COMPONENTS OF ICT INDUSTRY

The total income of ICT industry registered RM268.7 billion with a growth of 5.3 per cent in 2024 (2023: 3.7%). Compensation of employees amounted to RM90.1 billion or 33.5 per cent to the total income of the ICT industry. In addition, gross operating surplus accounted for 65.7 per cent while taxes less subsidies on production and imports, 0.8 per cent as shown in **Chart 1.5**.


**Chart 1.5: Income Components of ICT Industry:
Value, Annual Percentage Change and Percentage Share**



1.8 EMPLOYMENT IN THE ICT INDUSTRY

Employment in the ICT industry recorded 1.25 million persons contributing 7.6 per cent to Malaysia's total employment. The ICT manufacturing industry was the largest contributor with a share of 35.3 per cent, followed by ICT services (28.9%) and ICT trade (23.2%), as presented in **Chart 1.6**.

**Chart 1.6: Employment in the ICT Industry:
Value, Annual Percentage Change and Percentage Share**




Note:

Source: Information and Communication Technology Satellite Account, 2024

BAB 2 **CHAPTER**

SEKTOR PERKHIDMATAN MAKLUMAT & KOMUNIKASI

INFORMATION & COMMUNICATION SERVICES SECTOR



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank


2. SEKTOR PERKHIDMATAN MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Jumlah hasil suku tahun ketiga 2025 bagi subsektor Maklumat & Komunikasi merekodkan RM45.9 bilion, meningkat 4.0 peratus daripada RM44.2 bilion pada suku tahun ketiga 2024. Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah hasil subsektor ini mencatatkan pertumbuhan 1.3 peratus berbanding 1.1 peratus pada suku tahun kedua 2025. Sementara itu, pada tahun 2024, hasil subsektor Maklumat & Komunikasi mencapai RM131.4 bilion, meningkat 3.4 peratus berbanding tahun 2023.

Bilangan pekerja pula mencatatkan 146,537 orang, meningkat 1.3 peratus berbanding suku tahun ketiga 2024 (144,703 orang). Perubahan suku tahun ke suku tahun menunjukkan pertumbuhan 0.2 peratus pada suku tahun ketiga 2025. Dari segi perbandingan tahunan, bilangan pekerja subsektor Maklumat & Komunikasi meningkat 1.9 peratus pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya.

Gaji & upah yang dibayar turut meningkat kepada RM2.41 bilion, menunjukkan pertumbuhan sebanyak 2.9 peratus daripada RM2.34 bilion. Selain itu, jumlah gaji & upah bagi subsektor ini juga berkembang dengan peratus pertumbuhan suku tahunan sebanyak 0.7 peratus. Pada tahun 2024, gaji & upah dalam subsektor ini juga meningkat sebanyak RM7.0 bilion, bersamaan pertumbuhan 2.3 peratus berbanding tahun 2023.

Rajah 2.1: Perangkaan Utama Maklumat & Komunikasi, 2024 dan ST1-ST3 2025



Nota:



Kadar pertumbuhan tahunan



Perubahan peratusan: suku tahun ke suku tahun

ST Suku Tahun

Sumber: Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahun Ketiga, 2025


2. INFORMATION & COMMUNICATION SERVICES SECTOR

Total revenue of the Information & Communication subsector in the third quarter of 2025 recorded RM45.9 billion, an increase of 4.0 per cent from RM44.2 billion in the third quarter of 2024. On a quarterly basis, the subsector's revenue registered a growth of 1.3 per cent compared with 1.1 per cent in the second quarter of 2025. Meanwhile, in 2024, the Information & Communication subsector posted RM131.4 billion in revenue, an increase of 3.4 per cent compared to 2023.

Number of persons engaged recorded 146,537 persons, an increase of 1.3 per cent as compared with the third quarter of 2024 (144,703 persons). Quarter-on-quarter, the number of persons engaged grew by 0.2 per cent in the third quarter of 2025. In terms of annual comparison, persons engaged in the Information & Communication subsector rose by 1.9 per cent in 2024 compared with the previous year.

Salaries & wages also increased to RM2.41 billion, representing a growth of 2.9 per cent from RM2.34 billion. In addition, total salaries & wages in this subsector expanded by 0.7 per cent on a quarter-on-quarter basis. In 2024, salaries & wages in this subsector increased by RM7.0 billion, equivalent to a growth of 2.3 per cent compared with 2023.

Figure 2.1: Principal Statistics Information & Communication, 2024 and Q1-Q3 2025



Note:



Annual growth rate



Percentage change quarter-on-quarter

Q Quarter


Source: Quarterly Services Statistics Third Quarter, 2025

BAB 3

CHAPTER

SOROTAN E-DAGANG

INSIGHTS OF E-COMMERCE



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

3. SOROTAN E-DAGANG


Laporan Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan (ICTEC) 2024 memaparkan statistik mengenai penggunaan ICT dan e-dagang oleh pertubuhan di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini merangkumi lima (5) sektor utama ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan serta Perkhidmatan.

3.1 PRESTASI SUKU TAHUNAN PENDAPATAN E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN

Pendapatan e-dagang oleh pertubuhan di Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.3 peratus pada suku tahun ketiga 2025. Pada tahun sebelumnya, pendapatan e-dagang berjumlah RM1,230.1 bilion, meningkat 3.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Dari segi perkembangan suku tahunan, pendapatan e-dagang merekodkan RM311.1 billion pada suku pertama 2025, sebelum meningkat kepada RM313.8 bilion pada suku kedua. Namun, sedikit penurunan direkodkan pada suku ketiga apabila pendapatan e-dagang mencatatkan nilai RM312.6 bilion, seperti ditunjukkan dalam **Rajah 3.1**.

Rajah 3.1: Prestasi Suku Tahunan Pendapatan E-Dagang oleh Pertubuhan, ST1 2023-ST3 2025



Nota:



Kadar Pertumbuhan Tahunan
ST Suku Tahun


3.2 INDEKS JUALAN RUNCIT MELALUI INTERNET

Penggunaan internet telah memperluas skop perdagangan borong dan runcit apabila semakin banyak urus niaga dijalankan secara dalam talian melalui platform e-dagang. Melalui kemudahan ini, pemborong dapat berhubung secara langsung dengan peruncit dan pelanggan di pelbagai lokasi, manakala pengguna pula dapat membeli barangan dengan lebih mudah tanpa perlu mengunjungi premis fizikal.

Indeks Jualan Runcit melalui Internet menunjukkan pertumbuhan pada September 2025, dengan kadar pertumbuhan tahunan 9.5 peratus meningkat berbanding 4.7 peratus pada bulan Ogos 2025, seperti digambarkan dalam **Rajah 3.2**.

Peningkatan ini sebahagiannya didorong oleh acara jualan dalam talian 9.9 (contoh: Shopee 9.9 dan Lazada 9.9 Mega Sale), yang merangsang permintaan pengguna dan menyumbang kepada jumlah transaksi yang lebih tinggi di platform e-dagang utama.

Rajah 3.2: Indeks Jualan Runcit melalui Internet, Januari 2023-September 2025



Nota:


Sumber: Kenyataan Media Perdagangan Borong & Runcit, September, 2025

3.3 PRESTASI E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN

3.3.1 PENDAPATAN E-DAGANG MENGIKUT SEKTOR

Nilai pendapatan transaksi e-dagang terus mencatatkan pertumbuhan positif dengan nilai RM1,184.1 bilion pada tahun 2023 berbanding RM1,126.9 bilion pada tahun 2022, dengan kadar pertumbuhan tahunan meningkat sebanyak 5.1 peratus. Sektor Pembuatan merekodkan RM587.3 bilion, meningkat 4.6 peratus berbanding tahun 2022. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan yang mencatatkan peningkatan RM583.0 bilion pada tahun 2023 daripada RM552.7 bilion pada tahun 2022 dengan pertumbuhan sebanyak 5.5 peratus seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.3**.

Rajah 3.3: Pendapatan E-Dagang mengikut Sektor, 2022 dan 2023




Nota:

Kadar pertumbuhan tahunan

3.3.2 PERBELANJAAN E-DAGANG MENGIKUT SEKTOR

Pada tahun 2023, perbelanjaan melalui transaksi e-dagang di Malaysia mencatatkan nilai sebanyak RM571.4 bilion, berbanding RM531.6 bilion pada tahun 2022, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.5 peratus. Sektor Pembuatan mencatatkan perbelanjaan e-dagang tertinggi dengan nilai RM371.8 bilion pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 sebanyak RM347.6 bilion dengan pertumbuhan 7.0 peratus. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan dengan perbelanjaan berjumlah RM194.1 bilion berbanding tahun sebelumnya RM179.2 bilion dengan pertumbuhan tahunan 8.4 peratus seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.4**.

Rajah 3.4: Perbelanjaan E-Dagang mengikut Sektor, 2022 dan 2023



Nota:


Kadar pertumbuhan tahunan

3.3.3 PENDAPATAN E-DAGANG MENGIKUT JENIS PASARAN

Pendapatan e-dagang di Malaysia didominasi oleh pasaran tempatan yang mencatatkan jumlah sebanyak RM1,053.0 bilion pada tahun 2023 berbanding RM1,003.5 bilion tahun 2022, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 4.9 peratus. Sementara itu, pasaran antarabangsa menyumbang sebanyak RM131.1 bilion, meningkat 6.3 peratus berbanding RM123.4 bilion pada tahun sebelumnya.

Dalam pasaran tempatan, sektor Pembuatan muncul sebagai penyumbang utama dengan pendapatan e-dagang sebanyak RM543.3 bilion, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 4.4 peratus berbanding RM520.6 bilion pada tahun 2022. Bagi pasaran antarabangsa, sektor Perkhidmatan merupakan pemacu utama dengan pendapatan sebanyak RM84.9 bilion berbanding pada tahun 2023 berbanding RM80.6 bilion pada tahun 2022 dengan pertumbuhan sebanyak 5.4 peratus seperti di dalam **Rajah 3.5**.

Rajah 3.5: Pendapatan E-Dagang mengikut Jenis Pasaran, 2022 dan 2023



Nota:


Kadar pertumbuhan tahunan
b Billion
j Juta

3.3.4 PERBELANJAAN E-DAGANG MENGIKUT JENIS PASARAN

Perbelanjaan e-dagang di Malaysia didominasi oleh pasaran tempatan yang mencatatkan jumlah sebanyak RM530.6 bilion pada tahun 2023 berbanding RM494.2 bilion tahun 2022, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.4 peratus. Sementara itu, pasaran antarabangsa menyumbang sebanyak RM40.8 bilion, meningkat 8.9 peratus berbanding RM37.5 bilion pada tahun sebelumnya.

Dalam pasaran tempatan, sektor Pembuatan muncul sebagai penyumbang utama dengan perbelanjaan e-dagang sebanyak RM137.9 bilion, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 6.6 peratus berbanding RM326.5 bilion pada tahun 2022. Bagi pasaran antarabangsa, sektor Pembuatan juga merupakan pemacu utama dengan perbelanjaan sebanyak RM23.9 bilion berbanding pada tahun 2023 berbanding RM21.1 bilion pada tahun 2022 dengan pertumbuhan sebanyak 13.1 peratus seperti di dalam **Rajah 3.6**.

Rajah 3.6: Perbelanjaan E-Dagang mengikut Jenis Pasaran, 2022 dan 2023




3.3.5 PENDAPATAN E-DAGANG MENGIKUT JENIS PELANGGAN

Pendapatan e-dagang melalui transaksi *Business-to-Business* (B2B) kekal sebagai penyumbang utama dengan jumlah RM817.1 bilion, meningkat sebanyak 3.9 peratus berbanding RM786.5 bilion pada tahun sebelumnya. Ini diikuti oleh pendapatan melalui *Business-to-Consumer* (B2C) yang mencatatkan RM336.6 bilion dengan kenaikan 7.7 peratus berbanding RM312.6 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi kategori terkecil iaitu *Business-to-Government* (B2G), pendapatan e-dagang juga mencatatkan peningkatan 9.3 peratus kepada RM30.4 bilion pada tahun 2023.

Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang tertinggi bagi transaksi B2B dengan pendapatan e-dagang sebanyak RM540.7 bilion, pertumbuhan 2.7 peratus berbanding RM526.7 bilion pada tahun sebelumnya. Sementara itu, sektor Pembinaan mencatatkan pendapatan tertinggi bagi transaksi B2G dengan nilai pendapatan RM302.5 juta, pertumbuhan 6.9 peratus pada 2023, manakala pendapatan e-dagang tertinggi bagi transaksi B2C didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan nilai RM297.0 bilion seperti ditunjukkan di **Rajah 3.7**.

Rajah 3.7: Pendapatan E-Dagang mengikut Jenis Pelanggan, 2022 dan 2023



Nota:


- Kadar pertumbuhan tahunan
- b Billion
- j Juta

3.3.6 PERBELANJAAN E-DAGANG MENGIKUT JENIS PELANGGAN

Pada tahun 2023, perbelanjaan e-dagang mengikut jenis pelanggan telah mencatatkan kategori B2B kekal sebagai penyumbang utama dengan jumlah RM443.4 bilion, menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.6 peratus. Bagi kategori B2C merekodkan RM112.6 bilion dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 28.1 peratus manakala kategori B2G menyumbang RM15.4 bilion dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 33.6 peratus. Bagi kategori B2B, sektor Pembuatan kekal menjadi penyumbang utama kepada perbelanjaan e-dagang dengan jumlah RM303.9 bilion dengan pertumbuhan tahunan 2.3 peratus.

Seterusnya, sektor Pembuatan juga mencatatkan nilai tertinggi sebanyak RM60.5 bilion bagi kategori B2C, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 33.7 peratus. Manakala kategori B2G, sektor Perkhidmatan mendominasi sebanyak RM7.7 bilion dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 27.0 peratus seperti di dalam **Rajah 3.8**.

Rajah 3.8: Perbelanjaan E-Dagang mengikut Jenis Pelanggan, 2022 dan 2023



Nota:
 Kadar pertumbuhan tahunan
 b Bilion
 j Juta

Sumber: Penggunaan ICT & E-Dagang oleh Pertubuhan, 2024

3. INTRODUCTION


The Usage of ICT and E-Commerce by Establishment (ICTEC) 2024 report presents statistics on the use of ICT and e-commerce by establishments in Malaysia for the reference year 2023. This publication covers five (5) major economic sectors, namely Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services.

3.1 QUARTERLY E-COMMERCE INCOME BY ESTABLISHMENT

E-commerce income by establishment in Malaysia recorded an annual growth rate of 1.3 per cent in the third quarter of 2025. In the previous year, e-commerce income amounted to RM1,230.1 billion, an increase of 3.9 per cent compared to the year before.

In terms of quarterly performance, e-commerce income registered RM311.1 billion in the first quarter of 2025, before rising to RM313.8 billion in the second quarter. However, a slight decline was recorded in the third quarter, with e-commerce income amounting to RM312.6 billion, as illustrated in **Figure 3.1**.

Figure 3.1: Quarterly E-Commerce Income by Establishment, Q1 2023-Q3 2025



Note:|
Q Quarter


3.2 INDEX OF RETAIL SALE OVER THE INTERNET

The use of the internet has expanded the scope of wholesale and retail trade, as more transactions are now conducted online through e-commerce platforms. This convenience enables wholesalers to connect directly with retailers and customers across various locations, while consumers can purchase goods more easily without having to visit physical premises.

The Retail Sales Index via the internet recorded a stronger growth in September 2025, with an annual growth rate of 9.5 per cent, an improvement compared to 4.7 per cent in August 2025, as shown in **Figure 3.2**.

This increase was partly driven by the 9.9 online sales events (e.g., Shopee 9.9 and Lazada 9.9 Mega Sale), which stimulated consumer demand and contributed to a higher volume of transactions across major e-commerce platforms.

Figure 3.2: Index of Retail Sale Over the Internet, January 2023-September 2025



Note:


Source: Press Statement Performance of Wholesale & Retail Trade, September, 2025

3.3 PERFORMANCE OF E-COMMERCE

3.3.1 E-COMMERCE INCOME BY SECTOR

E-commerce transaction income continues to demonstrate positive growth, rising to RM1,184.1 billion in 2023 compared to RM1,126.9 billion in 2022, reflecting an annual growth rate of 5.1 per cent. The Manufacturing sector recorded RM587.3 billion, marking growth of 4.6 per cent compared to 2022. This was followed by the Services sector, which recorded increased to RM583.0 billion in 2023 from RM552.7 billion in 2022, representing growth of 5.5 per cent as illustrated in **Figure 3.3**

Figure 3.3: E-Commerce Income, 2022 and 2023




Note:
Annual growth rate

3.3.2 E-COMMERCE EXPENDITURE BY SECTOR

In 2023, expenditure from e-commerce transaction in Malaysia increased to RM571.4 billion, compared to RM531.6 billion in 2022, representing an annual growth rate of 7.5 per cent. Manufacturing sector recorded the highest e-commerce expenditure, amounting to RM371.8 billion in 2023 compared to RM347.6 billion in 2022, reflecting a growth of 7.0 per cent. This was followed by the Services sector, which recorded an expenditure of RM194.1 billion, an increase from RM179.2 billion in the previous year, with growth of 8.4 per cent, as shown in **Figure 3.4**.

Figure 3.4: E-Commerce Expenditure by Sector 2022 & 2023



Note:


Annual growth rate

3.3.3 E-COMMERCE INCOME BY TYPE OF MARKET

E-commerce revenue in Malaysia is dominated by the domestic market, which recorded a total of RM1,053.0 billion in 2023 compared to RM1,003.5 billion in 2022, with an annual growth rate of 4.9 per cent. Meanwhile, the international market contributed RM131.1 billion, an increase of 6.3 per cent compared to RM123.4 billion in the previous year.

In the domestic market, the Manufacturing sector emerged as the main contributor with e-commerce revenue of RM543.3 billion, with an annual growth of 4.4 per cent compared to RM520.6 billion in 2022. For the international market, the Services sector was the main driver with revenue of RM84.9 billion in 2023 compared to RM80.6 billion in 2022, with a growth of 5.4 per cent, as shown in **Figure 3.5**.

Figure 3.5: E-Commerce Income by Type of Market, 2022 and 2023




Note:
 Annual growth rate
 b Billion
 m Million

3.3.4 E-COMMERCE EXPENDITURE BY TYPE OF MARKET

E-commerce spending in Malaysia is dominated by the domestic market, which recorded a total of RM530.6 billion in 2023 compared to RM494.2 billion in 2022, with an annual growth rate of 7.4 per cent. Meanwhile, the international market contributed RM40.8 billion, an increase of 8.9 per cent compared to RM37.5 billion in the previous year.

In the domestic market, the Manufacturing sector emerged as the main contributor with e-commerce spending of RM137.9 billion, with an annual growth of 6.6 per cent compared to RM326.5 billion in 2022. For the international market, the Manufacturing sector was also the main driver with spending of RM23.9 billion in 2023 compared to RM21.1 billion in 2022, with a growth of 13.1 per cent, as shown in **Figure 3.6**.

Figure 3.6: E-Commerce Expenditure by Type of Market, 2022 and 2023




Note:
 Annual growth rate
 b Billion
 m Million

3.3.5 E-COMMERCE INCOME BY TYPE OF CUSTOMER

Total e-commerce income by customer type showed that the Business to Business (B2B) category remained the primary contributor with RM817.1 billion, reflecting a 3.9 per cent growth. Meanwhile, Business to Consumer (B2C) recorded an income amounting to RM336.6 billion achieving a 7.7 per cent growth compared to the previous year. For the Business to Government (B2G) category, income increased to RM30.4 billion with a growth of 9.3 per cent compared to 2022.

As Manufacturing sector remained the highest contributor for B2B with income of RM540.7 billion, recording a positive growth of 2.7 per cent compared in 2022. Meanwhile, Services sector dominated both B2C and B2G transactions in 2023, recording RM297.1 billion with a 4.7 per cent growth and RM22.7 billion with a 6.4 per cent growth, respectively, as shown in **Figure 3.7**.

Figure 3.7: E-Commerce Income by Type of Customer, 2022 and 2023



Note:


- Annual growth rate
- b Billion
- m Million

3.3.6 E-COMMERCE EXPENDITURE BY TYPE OF CUSTOMER

On the year 2023, e-commerce expenditure according to type customer has recorded category Business to Business (B2B) remain as main contributor with total RM443.4 billion, shows an annual growth as much as 2.6 per cent. For category Business to Consumer (B2C), recorded RM112.6 billion with annual growth as much as 28.1 per cent. Meanwhile, Business to Government (B2G) contributed RM15.4 billion with annual growth as much as 33.6 per cent. For category B2B across the sector, Manufacturing remain become main contributor to e-commerce expenditure with total RM303.9 billion with annual growth 2.3 per cent.

Next, sector Manufacturing also recorded value highest as much as RM60.5 billion for category B2C, with annual growth as much as 33.7 per cent. Meanwhile, for category B2G, sector Services dominated as much as RM7.7 billion with annual growth as much as 27.0 per cent as in inside **Figure 3.8**.

Figure 3.8: E-Commerce Expenditure by Type of Customer, 2022 and 2023




Note:
 YoY Annual growth rate
 b Billion
 m Million

Source: Usage of ICT & E-Commerce by Establishment, 2024

BAB 4 **CHAPTER**

CAPAIAN DAN PENGGUNAAN ICT ***ACCESS AND USAGE OF ICT***



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank


4. CAPAIAN DAN PENGGUNAAN ICT

Laporan ini memaparkan hasil penemuan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah (ICTHS) yang dilaksanakan pada tahun 2024. Penemuan ini memaparkan statistik terkini capaian oleh isi rumah dan penggunaan oleh individu di Malaysia bagi peralatan dan perkhidmatan ICT.

4.1 CAPAIAN PERALATAN DAN PERKHIDMATAN ICT OLEH ISI RUMAH

Terdapat tujuh statistik capaian peralatan dan perkhidmatan ICT oleh isi rumah yang dimuatkan dalam laporan ini. Sesebuah isi rumah dianggap mempunyai capaian kepada peralatan dan perkhidmatan ICT sekiranya ia masih boleh digunakan semasa survei dijalankan. Secara keseluruhan, pada tahun 2024 semua peralatan dan perkhidmatan ICT menunjukkan peningkatan kecuali siaran TV berbayar yang mencatatkan penurunan ketara sebanyak 9.9 mata peratus kepada 67.1 peratus (2023: 77.0%). Peratusan capaian oleh isi rumah tertinggi direkodkan oleh peralatan telefon bimbit, televisyen dan radio yang masing-masing mencatatkan 99.5 peratus diikuti oleh Internet (96.8%), komputer (92.2%) dan telefon talian tetap (27.9%) seperti di **Carta 4.1**.

Carta 4.1: Peratusan Capaian Peralatan dan Perkhidmatan ICT oleh Isi Rumah, Malaysia, 2023 dan 2024




4.1.1 CAPAIAN PERALATAN DAN PERKHIDMATAN ICT OLEH ISI RUMAH MENGIKUT STRATA

Peratusan capaian tertinggi direkodkan oleh radio sebanyak 99.8 peratus, diikuti oleh televisyen (99.7%), telefon bimbit (99.7%), Internet (98.8%), komputer (94.9%), siaran TV berbayar (69.5%) dan telefon talian tetap (31.4%).

Seterusnya, isi rumah di luar bandar juga turut mencatatkan peningkatan bagi capaian peralatan dan perkhidmatan ICT iaitu televisyen (98.8%), telefon bimbit (98.7%), radio (98.4%), Internet (90.3%), komputer (83.2%), siaran TV berbayar (59.2%) dan telefon talian tetap (16.5%) seperti di **Carta 4.2**.

Carta 4.2: Peratusan Capaian Peralatan dan Perkhidmatan ICT oleh Isi Rumah mengikut Strata, Malaysia, 2023 dan 2024



4.2 PENGGUNAAN PERALATAN DAN PERKHIDMATAN ICT OLEH INDIVIDU


Pengukuran penggunaan peralatan dan perkhidmatan ICT oleh individu merangkumi penggunaan dan pemilikan telefon bimbit, penggunaan komputer dan penggunaan Internet oleh penduduk di Malaysia yang berumur 15 tahun dan ke atas.

Penggunaan merujuk kepada penggunaan peralatan dan perkhidmatan ICT oleh individu tanpa mengira lokasi penggunaan serta tidak terhad kepada tempat kediaman sahaja. Manakala, pemilikan telefon bimbit merujuk kepada individu yang mempunyai telefon bimbit dan kad *Subscriber Identity Module (SIM)* aktif untuk tujuan persendirian.

4.2.1 PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT

Pemilikan telefon bimbit oleh individu pada tahun 2024 menunjukkan penurunan marginal sebanyak 0.1 mata peratus kepada 98.3 peratus yang didorong oleh penurunan pemilikan telefon bimbit di bandar (0.0 mata peratus). Walau bagaimanapun, pemilikan telefon bimbit di luar bandar merekodkan peningkatan sebanyak 0.1 mata peratus (96.4%). Seterusnya, penggunaan telefon bimbit oleh individu merekodkan peningkatan kepada 99.5 peratus berbanding tahun sebelumnya (99.4%). Kenaikan ini didorong oleh peningkatan penggunaan telefon bimbit di bandar (0.2 mata peratus; 99.8%) dan luar bandar (0.3 mata peratus; 98.9%) seperti di **Carta 4.3**.


Carta 4.3: Peratusan Pemilikan dan Penggunaan Telefon Bimbit oleh Individu mengikut Strata, Malaysia, 2023 dan 2024



4.2.2 PENGGUNAAN KOMPUTER

Penggunaan komputer merangkumi penggunaan komputer peribadi, komputer riba atau papan elektronik mudah alih. Penggunaan komputer menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 mata peratus kepada 80.7 peratus berbanding 80.4 peratus pada tahun 2023. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan penggunaan komputer di bandar sebanyak 0.5 mata peratus (86.5%) dan luar bandar sebanyak 0.7 mata peratus (64.3%) seperti tertera di **Rajah 4.1**.

Rajah 4.1: Peratusan Penggunaan Komputer oleh Individu mengikut Strata, Malaysia, 2023 dan 2024




4.2.2.1 KEMAHIRAN ICT

Kemahiran ICT merupakan salah satu indikator yang dipantau dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Indikator 4.4.1 yang mengukur peratusan belia dan dewasa dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Bagi ICTHS, sembilan jenis kemahiran ICT diukur.

Empat kemahiran merekodkan peratusan melebihi 80.0 peratus pada tahun 2024 iaitu menyalin atau memindahkan fail atau folder (97.9%) diikuti oleh menggunakan teknik menyalin & menampal untuk mendua atau memindahkan maklumat di dalam satu dokumen (97.0%), menghantar e-mel berserta fail (90.4%) dan memindahkan fail di antara komputer & peranti mudah alih lain (83.9%). Peratusan kemahiran terendah direkodkan oleh menulis program komputer menggunakan bahasa pengaturcaraan yang khusus sebanyak 24.3 peratus seperti di **Carta 4.4**.


Carta 4.4: Peratusan Penggunaan Komputer oleh Individu mengikut Kemahiran Komputer Malaysia, 2023 dan 2024



4.2.2.2 KEMAHIRAN KOMPUTER DI KALANGAN BELIA

Laporan ini juga memaparkan statistik kemahiran komputer di kalangan belia iaitu individu yang berumur 15 hingga 24 tahun. Secara keseluruhannya, hampir semua jenis kemahiran mencatatkan peratusan melebihi 80.0 peratus kecuali kemahiran menulis program komputer menggunakan bahasa pengaturcaraan yang khusus (51.0%). Tiga kemahiran yang mencatatkan peratusan tertinggi adalah menggunakan komputer menjalankan aktiviti menyalin atau memindahkan fail atau *folder* iaitu 99.0 peratus, diikuti oleh menggunakan teknik menyalin & menampal untuk mendua atau memindahkan di dalam satu dokumen (97.9%) dan menghantar e-mel berserta fail (94.6%) seperti di **Carta 4.5**.


Carta 4.5: Peratusan Penggunaan Komputer oleh Belia mengikut Kemahiran Komputer, Malaysia, 2023 dan 2024



4.2.3 PENGGUNAAN INTERNET

Penggunaan Internet juga dinyatakan dalam SDG di bawah matlamat 17, Indikator 17.8.1 Peratusan individu yang menggunakan Internet. Di Malaysia, penggunaan Internet menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 mata peratus kepada 98.0 peratus berbanding 97.7 peratus pada tahun 2023. Peningkatan ini dipengaruhi oleh peningkatan penggunaan Internet di bandar sebanyak 0.4 mata peratus (99.0%) dan di luar bandar sebanyak 0.3 mata peratus (95.3%) seperti di **Rajah 4.2**.

Rajah 4.2: Peratusan Penggunaan Internet oleh Individu mengikut Strata, Malaysia, 2023 dan 2024




4.2.3.1 PENGGUNAAN INTERNET MENGIKUT JANTINA

Perbandingan mengikut jantina merekodkan penggunaan Internet bagi lelaki menunjukkan peratusan yang lebih tinggi iaitu 98.4 peratus berbanding perempuan 97.6 peratus pada tahun 2024.

Perbezaan peratusan antara kedua-dua jantina menguncup sebanyak 0.8 mata peratus pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya sebanyak 1.0 mata peratus. Perkembangan ini mencerminkan peningkatan kesaksamaan digital antara lelaki dan perempuan seperti di **Carta 4.6**.


Carta 4.6: Peratusan Penggunaan Internet oleh Individu mengikut Jantina, Malaysia, 2023 dan 2024



4.2.3.2 PENGGUNAAN INTERNET MENGIKUT KUMPULAN UMUR

Secara keseluruhannya, semua kumpulan umur merekodkan prestasi penggunaan Internet melebihi 90.0 peratus. Peratusan pengguna Internet yang tertinggi adalah dalam kumpulan umur 20-24 tahun dan 35-39 tahun iaitu 99.6 peratus diikuti oleh kumpulan umur 25-29 tahun dan 30-34 tahun iaitu 99.5 peratus. Namun begitu, peratus penggunaan Internet bagi yang berumur 15-19 tahun menurun kepada 97.9 peratus (2023: 99.1%). Manakala, bagi kumpulan umur 60 tahun dan ke atas menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya iaitu 91.6 peratus (2023: 86.9%) seperti yang ditunjukkan di **Carta 4.7**.


Carta 4.7: Peratusan Penggunaan Internet oleh Individu mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023 dan 2024



4.2.3.3 PENGGUNAAN INTERNET MENGIKUT AKTIVITI

Aktiviti penggunaan Internet yang paling popular pada tahun 2024 adalah menyertai dalam rangkaian sosial iaitu 99.7 peratus diikuti oleh aktiviti memuat turun gambar, filem, video atau muzik; bermain atau memuat turun permainan (94.3%), mendapatkan maklumat tentang barangan atau perkhidmatan (93.0%), memuat turun perisian atau aplikasi (90.0%) dan membuat panggilan telefon melalui Internet/ VoIP (86.3%) seperti di **Carta 4.8**.

Carta 4.8: Peratusan Penggunaan Internet oleh Individu mengikut Lima Aktiviti Internet Tertinggi, Malaysia, 2023 dan 2024



Label:

- 1 Menyertai rangkaian sosial
- 2 Memuat turun gambar, filem, video atau muzik; bermain atau memuat turun permainan
- 3 Mendapatkan maklumat tentang barangan atau perkhidmatan
- 4 Memuat turun perisian atau aplikasi
- 5 Membuat panggilan telefon melalui internet atau VoIP

Nota:

Individu boleh memilih lebih daripada satu aktiviti Internet

Sumber: Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah, 2024


4.3 PENGGUNAAN ICT OLEH PERTUBUHAN

Laporan Penggunaan ICT dan E-Dagang (ICTEC) 2024 memaparkan statistik berkaitan penggunaan ICT dan e-gagang oleh Pertubuhan di Malaysia berdasarkan tahun rujukan 2023. Penerbitan ini merangkumi lima sektor utama ekonomi termasuk Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan serta Perkhidmatan.

4.3.1 PENGGUNAAN ICT

Sebanyak 96.6 peratus pertubuhan menggunakan komputer seperti komputer peribadi, komputer riba dan *tablet* menunjukkan perubahan mata peratus sebanyak 0.7 peratus pada tahun 2023 berbanding 95.9 peratus pada tahun 2022. Perkembangan positif turut dapat dilihat dalam penggunaan internet, di mana 94.0 peratus pertubuhan telah menggunakan capaian internet, berbanding 93.3 peratus pada tahun sebelumnya. Perubahan ini sejajar dengan usaha kerajaan dalam memperluas capaian digital di dalam negara. Selain itu, peningkatan ketara juga direkodkan bagi pertubuhan yang mempunyai *web presence*, dengan 72.7 peratus berbanding 71.4 peratus pada tahun 2022, seperti yang dipaparkan dalam **Rajah 4.3**.

Rajah 4.3: Peratus Penggunaan Komputer, Internet dan *Web Presence*, 2022 dan 2023




4.3.2 PENGGUNAAN ICT MENGIKUT SEKTOR

Rajah 4.4 menunjukkan penggunaan komputer, internet dan *web presence* mengikut sektor pada tahun 2022 dan 2023. Sektor Pembinaan menjadi peneraju utama dengan mencatatkan kadar penggunaan komputer tertinggi iaitu 97.1 peratus berbanding 96.8 peratus pada tahun 2022. Sektor ini juga mendahului dalam penggunaan internet iaitu 96.0 peratus, meningkat daripada 95.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan nilai tertinggi dalam penggunaan *web presence* dengan 76.0 peratus pada tahun 2023, meningkat berbanding 74.4 peratus pada tahun 2022. Perkembangan ini mencerminkan usaha berterusan pemilik industri dalam mengadaptasi teknologi digital bagi meningkatkan daya saing pertubuhan mereka.


Rajah 4.4: Peratus Penggunaan Komputer, Internet dan *Web Presence* mengikut Sektor, 2022 dan 2023



4.3.3 JENIS PEMILIKAN *WEB PRESENCE* MENGIKUT SEKTOR

Rajah 4.5 memperincikan jenis pemilikan *web presence* yang digunakan oleh pertubuhan mengikut sektor. Sektor Pembuatan mencatatkan peratusan tertinggi bagi penggunaan laman web kepunyaan sendiri, iaitu sebanyak 72.6 peratus. Sementara itu, sektor Perlombongan & Pengkuarian menunjukkan penggunaan tertinggi bagi laman web di entiti lain, dengan mencatatkan 41.1 peratus. Bagi sektor Pertanian, media sosial mempunyai pemilikan *web presence* dengan peratusan tertinggi iaitu 87.8 peratus. Dalam masa yang sama, sektor Perkhidmatan mencatatkan penggunaan e-pasaran yang tertinggi dengan nilai 49.6 peratus pada tahun 2023 daripada 43.9 peratus pada tahun 2022


Rajah 4.5: Jenis Pemilikan *Web Presence* mengikut Sektor, 2022 dan 2023



4.3.4 INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KOMPUTER

Penggunaan infastruktur rangkaian komputer pada tahun 2023 meningkat berbanding tahun sebelumnya. Penggunaan rangkaian Kawasan Luas (WAN) mencatatkan 88.9 peratus, meningkat daripada 88.0 peratus pada tahun 2022. Rangkaian Kawasan Tempatan (LAN) mencatatkan 76.9 peratus, meningkat sedikit daripada 75.8 peratus pada tahun sebelumnya. Begitu juga dengan Rangkaian yang meningkat kepada 71.1 peratus berbanding 69.5 peratus pada 2022. Intranet kekal relevan dengan penggunaan sebanyak 52.0 peratus pada tahun 2023, meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu 49.8 peratus, manakala Extranet turut mencatatkan peningkatan sebanyak 25.7 peratus pada tahun 2023 daripada 24.0 peratus pada tahun 2022. Statistik dalam **Carta 4.9** memaparkan peningkatan jenis penggunaan infrastruktur rangkaian komputer bagi tahun 2022 dan 2023.


Carta 4.9: Jenis Penggunaan Infrastruktur Rangkaian Komputer, 2022 dan 2023



4.3.5 INFRASTRUKTUR RANGKAIAN KOMPUTER MENGIKUT SEKTOR

Sektor Pembuatan mencatatkan kadar tertinggi dalam penggunaan teknologi rangkaian bagi Intranet iaitu 77.2 peratus, Extranet dengan nilai 58.9 peratus dan LAN sebanyak 91.2 peratus pada **Rajah 4.6**. Sektor Perkhidmatan merekodkan kadar penggunaan WAN dan WLAN tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 92.3 peratus dan 72.5 peratus. Ini menunjukkan keperluan yang semakin meningkat terhadap infrastruktur rangkaian berskala besar bagi menyokong perkhidmatan digital dan meningkatkan interaksi pelanggan. Bagi kategori infrastruktur Lain-lain, sektor perlombongan & pengkuarian merekodkan penggunaan tertinggi sebanyak 26.2 peratus merangkumi Rangkaian Kawasan Metropolitan (MAN), Rangkaian Kawasan Storan (SAN) dan Rangkaian Kawasan Peribadi (PAN), yang masing-masing mempunyai tujuan jaringan yang berbeza berdasarkan peranan dan kapasiti.


Rajah 4.6: Jenis Penggunaan Infrastruktur Rangkaian Komputer mengikut Sektor, 2022 dan 2023



4.3.6 JENIS CAPAIAN INTERNET

Pada tahun 2023, sebanyak 93.0 peratus pertubuhan menggunakan jalur lebar tetap, menunjukkan peningkatan berbanding 92.3 peratus pada tahun 2022. Penggunaan jalur lebar mudah alih turut meningkat kepada 78.8 peratus daripada 77.9 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, bagi kedua-dua jenis jalur lebar tetap dan mudah alih mencatatkan 75.0 peratus pada tahun 2023, meningkat daripada 72.9 peratus pada tahun 2022. Perubahan dalam jenis capaian internet ini menggambarkan peningkatan berterusan dalam penggunaan sambungan internet yang lebih fleksibel dan menyeluruh, seperti yang digambarkan dalam **Rajah 4.7**.

Rajah 4.7: Jenis Capaian Internet mengikut Sektor 2022 dan 2023




4.3.7 JENIS CAPAIAN INTERNET MENGIKUT SEKTOR

Rajah 4.8 menunjukkan jenis capaian internet mengikut sektor pada tahun 2022 dan 2023. Sektor Pembinaan mencatatkan penggunaan jalur lebar tetap tertinggi pada 2023 dengan mencapai 99.6 peratus, meningkat daripada 99.5 peratus pada tahun 2022. Sektor Pertanian mencatatkan peningkatan 97.2 peratus daripada 96.4 peratus tahun sebelumnya.

Bagi jalur lebar mudah alih, sektor Pembuatan mencatatkan kadar tertinggi pada tahun 2023 iaitu 80.9 peratus meningkat daripada 75.8 peratus pada tahun 2022. Sektor Perkhidmatan mencatatkan 79.1 peratus berbanding 78.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Sektor Pembuatan mencatatkan nilai tertinggi dengan 79.0 peratus berbanding 72.1 peratus pada tahun sebelumnya bagi penggunaan jalur lebar tetap dan jalur lebar mudah alih. Selain itu, sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 74.9 peratus pada tahun 2023 daripada tahun sebelumnya 2022, dengan nilai 74.1 peratus.


Rajah 4.8: Jenis Capaian Internet mengikut Sektor, 2022 dan 2023



4.3.8 TUJUAN PENGGUNAAN INTERNET

Tujuan utama penggunaan internet adalah untuk menghantar atau menerima e-mel, mencatatkan 96.3 peratus pada tahun 2023 meningkat daripada 95.7 peratus pada tahun 2022. Penggunaan bagi perbankan melalui internet mencatat 91.4 peratus pada tahun 2023 berbanding 90.2 peratus pada tahun sebelumnya, menunjukkan penerimaan meluas terhadap transaksi kewangan digital.

Carta 4.10: Tujuan Penggunaan Internet oleh Pertubuhan, 2022 dan 2023




4.3.9 PENGGUNAAN TEKNOLOGI DIGITAL

Carta 4.11 menunjukkan penggunaan teknologi digital oleh pertubuhan pada tahun 2022 dan 2023. Internet mudah alih dan teknologi mencatatkan penggunaan teknologi digital tertinggi iaitu, 73.6 peratus meningkat daripada 72.4 peratus pada tahun sebelumnya. Media sosial turut menunjukkan peningkatan dengan 70.6 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 yang merekodkan 70.2 peratus. Pengkomputeran awam meningkat dengan kadar penggunaan sebanyak 59.8 peratus berbanding 58.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Penggunaan laman web mencatatkan peningkatan 56.2 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 54.7 peratus, manakala perisian pengurusan mencapai peningkatan dengan 51.4 peratus pada tahun 2023 berbanding 50.7 peratus pada tahun 2022.

Carta 4.11: Penggunaan Teknologi Digital, 2022 dan 2023



Nota:

Sumber: Penggunaan ICT & E-Dagang oleh Pertubuhan, 2024


4. ACCESS AND USAGE OF ICT

This report presents the findings of the ICT Use and Access by Individuals and Households (ICTHS) conducted in 2024. The findings provide the latest statistics on households access and individual usage of ICT equipment and services in Malaysia.

4.1 ACCESS TO ICT EQUIPMENT AND SERVICES BY HOUSEHOLDS

There are seven statistics on access to ICT equipment and services by households included in this report. A household is considered to have access to ICT equipment and services if they are still functional at the time the survey is conducted. Overall, in 2024, all ICT equipment and services recorded an increase except for pay TV channel, which showed a notable decline of 9.9 percentage points to 67.1 per cent (2023: 77.0%). The highest percentage access by households were recorded for mobile phone, television and radio, each at 99.5 per cent followed by the Internet (96.8%), computer (92.2%) and fixed-line telephone (27.9%) as shown in **Chart 4.1**.

Chart 4.1: Percentage of Households with Access to ICT Equipment and Services, Malaysia, 2023 and 2024




4.1.1 HOUSEHOLDS WITH ACCESS TO ICT EQUIPMENT AND SERVICES BY STRATA

Access to radio had the highest percentage at 99.8 per cent, followed by television (99.7%), mobile phone (99.7%), Internet (98.8%), computer (94.9%), pay TV channel (69.5%) and fixed-line telephone (31.4%).

Furthermore, rural households also showed a notable increase in access to ICT equipment and services such as television (98.8%), mobile phone (98.7%), radio (98.4%), Internet (90.3%), computer (83.2%), pay TV channel (59.2%) and fixed-line telephone (16.5%) as shown in **Chart 4.2**.

Chart 4.2: Percentage of Households with Access to ICT Equipment and Services by Strata, Malaysia, 2023 and 2024



4.2 USE OF ICT EQUIPMENT AND SERVICES BY INDIVIDUALS


The measurement of ICT equipment and service usage by individuals includes mobile phone usage and ownership, computer usage and Internet usage among the population in Malaysia aged 15 years and above.

Usage refers to the use of ICT equipment and services by individuals regardless of location, and is not limited to use at their place of residence. Meanwhile, mobile phone ownership refers to individuals who possess a mobile phone along with an active Subscriber Identity Module (SIM) card for personal use.

4.2.1 MOBILE PHONE OWNERSHIP AND USAGE

Mobile phone ownership by individuals in 2024 showed a marginal decrease of 0.1 percentage points to 98.3 per cent driven by decrease of mobile phone ownership in urban (0.0 percentage points). However, mobile phone ownership in rural recorded an increase of 0.1 percentage points (96.4%). Meanwhile, mobile phone usage by individuals recorded an increase to 99.5 per cent as compared to the previous year (99.4%). This increase was driven by a rise in mobile phone usage in both urban (0.2 percentage points; 99.8%) and rural areas (0.3 percentage points; 98.9%) as shown in **Chart 4.3**.


Chart 4.3: Percentage of Individuals Owning and Using Mobile Phone by Strata, Malaysia, 2023 and 2024



4.2.2 COMPUTER USAGE

Computer usage includes personal computer, laptop or tablet. Computer usage showed an increase of 0.3 percentage points to 80.7 per cent as compared to 80.4 per cent in 2023. This increase was contributed by a rise in computer usage in urban by 0.5 percentage points (86.5%) and in rural by 0.7 percentage points (64.3%) as shown in **Figure 4.1**.

Figure 4.1: Percentage of Individuals Using Computer by Strata, Malaysia, 2023 and 2024




4.2.2.1 ICT SKILLS

ICT skills are one of the indicators monitored in the Sustainable Development Goals (SDG) Indicator 4.4.1 which measures the proportion of youth and adults with information and communications technology (ICT) skills. For ICTHS, nine types of ICT skills were measured.

Four activities recorded percentages exceeding 80.0 per cent in 2024 which were copying or moving a file or folder (97.9%) followed by using copy & paste tools to duplicate or move information within a document (97.0%), sending e-mails with attached files (90.4%), and transferring files between a computer & other mobile devices (83.9%). The lowest percentage was recorded for writing a computer program using a specialised programming language at 24.3 per cent as shown in **Chart 4.4**.


Chart 4.4: Percentage of Individuals Using Computer by ICT Skills, Malaysia, 2023 and 2024



4.2.2.2 COMPUTER SKILLS BY YOUTH

2.1.3 Jualan borong komputer, peralatan peranti komputer (<i>peripheral</i>) dan perisian	4651	46510
2.1.4 Jualan borong kelengkapan dan komponen (termasuk alat ganti) elektronik dan telekomunikasi	4652	46521, 46522
2.1.5 Jualan borong lain-lain jentera dan kelengkapan	4659	46593
2.1.6 Jualan borong bahan buangan dan sekerap dan produk lain t.t.t.l.	4669	46699
2.2 Perdagangan runcit		
2.2.1 Jualan runcit di kedai khusus yang menjual komputer, peralatan peranti komputer (<i>peripheral</i>), sofwer dan peralatan telekomunikasi	4741	47411, 47412, 47413
2.2.2 Jualan runcit di kedai yang khusus menjual peralatan audio dan video	4742	47420

Keterangan		ISIC Rev. 4	MSIC 2008
2.2.3	Jualan runcit di kedai khusus yang menjual peralatan elektrik, perabot, lampu dan barangan lain isi rumah	4759	47597, 47598
2.2.4	Jualan runcit di kedai khusus yang menjual buku, akhbar dan alat tulis	4761	47611
2.2.5	Jualan runcit di kedai khusus yang menjual instrumen muzik dan rakaman video	4762	47620
2.2.6	Jualan runcit di kedai khusus yang menjual permainan dan barang mainan	4764	47640
2.2.7	Jualan runcit di kedai khusus yang menjual barang baru lain	4773	47731
2.2.8	Jualan runcit barang terpakai	4774	47742
2.2.9	Jualan runcit barangan lain di gerai dan pasar	4789	47892, 47893, 47894, 47895
2.2.10	Jualan runcit melalui pesanan mel atau internet	4791	47911, 47912, 47913, 47914
2.2.11	Lain-lain jualan bukan di kedai, gerai atau pasar	4799	47992
3. Perkhidmatan TMK			
3.1 Telekomunikasi			
3.1.1	Aktiviti telekomunikasi berwayar	6110	61101, 61102
3.1.2	Aktiviti telekomunikasi tanpa wayar	6120	61201, 61202
3.1.3	Aktiviti telekomunikasi satelit	6130	61300
3.1.4	Aktiviti telekomunikasi lain	6190	61901, 61902, 61903, 61904, 61905, 61909
3.2 Pengaturcaraan komputer, perundingan, maklumat dan aktiviti yang berkaitan			
3.2.1	Aktiviti pengaturcaraan komputer	6201	62010
3.2.2	Aktiviti perundingan komputer dan pengurusan kemudahan komputer	6202	62021, 62022
3.2.3	Aktiviti perkhidmatan teknologi maklumat dan komputer lain	6209	62091, 62099
3.2.4	Aktiviti proses data, <i>hosting</i> dan yang berkaitan	6311	63111, 63112
3.2.5	Web portal	6312	63120
3.3 Perkhidmatan TMK lain			
3.3.1	Pembaikan mesin	3312	33120
3.3.2	Pembaikan peralatan elektronik dan optikal	3313	33131, 33133
3.3.3	Pembaikan bagi peralatan elektrik	3314	33140
3.3.4	Pemasangan bagi perindustrian mesin dan kelengkapan	3320	33200
3.3.5	Pemasangan elektrik	4321	43212, 43213, 43214, 43216

Keterangan		ISIC Rev. 4	MSIC 2008
3.3.6	Pemasangan sistem paip, pemanasan dan pendinginan udara	4322	43223
3.3.7	Penerbitan perisian yang sedia cipta (bukan tempahan khas)	5820	58201, 58202, 58203
3.3.8	Penyelidikan dan pembangunan eksperimen sains semula jadi dan kejuruteraan	7210	72106
3.3.9	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal lain t.t.t.l.	7490	74903
3.3.10	Aktiviti perkhidmatan sistem keselamatan	8020	80200
3.3.11	Aktiviti perkhidmatan awam am	8411	84111, 84112
3.3.12	Pembaikan komputer dan peralatan sampingan	9511	95111, 95112, 95113
3.3.13	Pembaikan dan penyelenggaraan peralatan komunikasi	9512	95121, 95122, 95123, 95124, 95125, 95126, 95127
3.3.14	Pembaikan peralatan elektronik pengguna	9521	95211, 95212, 95213, 95214
3.3.15	Pembaikan kelengkapan isi rumah dan peralatan rumah dan halaman	9522	95221
4. Kandungan dan media			
4.1	Aktiviti penerbitan buku, terbitan berkala dan penerbitan lain	1811, 1812, 1820, 5811, 5812, 5813, 5819, 8219	18110, 18120, 18200, 58110, 58120, 58130, 58190, 82196, 82199
4.2	Aktiviti wayang gambar, video dan program televisyen	5911, 5912, 5913, 5914, 7410, 7420, 9000	59110, 59120, 59130, 59140, 74102, 74200, 90009
4.3	Kandungan dan media lain		
4.3.1	Aktiviti rakaman bunyi dan penerbitan muzik	5920	59200
4.3.2	Aktiviti pemrograman dan penyiaran	6010, 6020	60100, 60200
4.3.3	Aktiviti perkhidmatan maklumat lain	6391, 6399, 8220, 9329	63910, 63990, 82200, 93297

b. Produk TMK

Keterangan	CPC Ver. 2	MCPA 2009 (5 Digit)
1. Barangan TMK		
1.1 Komputer dan kelengkapan peranti	45142, 45221, 45222, 45230, 45240, 45250, 45261, 45262, 45263, 45264, 45265, 45266, 45269, 45271, 45272, 45289, 45290, 47315, 47550	26201, 26202, 28170
1.2 Kelengkapan komunikasi	46921, 47211, 47212, 47213, 47221, 47222, 47223, 47401, 54612, 54613	26300, 43216
1.3 Kelengkapan elektronik pengguna	38581, 47214, 47215, 47311, 47312, 47313, 47314, 47321, 47323, 47330, 47402, 48321, 48322, 48323, 48324, 48330, 48353, 88748	26400, 26701, 26702, 32400
1.4 Pelbagai komponen dan barangan TMK	45281, 47130, 47140, 47150, 47160, 47173, 47403, 47530, 47540, 47590, 47910, 47920, 48220, 48244, 48315, 48354	26101, 26102, 26104, 26105, 26109, 26511, 26800, 32909
2. Perkhidmatan TMK		
2.1 Perkhidmatan pembuatan bagi kelengkapan TMK	88741, 88742, 88743, 88744, 88749	26103
2.2 Perkhidmatan perniagaan dan produktiviti perisian dan pelesenan	47811, 47812, 47813, 47814, 47821, 47829, 73311, 81129, 83143, 84341, 84342, 84392, 85220, 85230	58201, 58203, 72106, 74903, 80200
2.3 Perkhidmatan dan perundingan teknologi maklumat	83117, 83131, 83132, 83141, 83142, 83151, 83152, 83159, 83161, 83162	62010, 62021, 62022, 63111, 63112, 70201
2.4 Perkhidmatan telekomunikasi	84110, 84121, 84122, 84131, 84132, 84140, 84150, 84190, 84210, 84221, 84222, 84290, 85931, 85939	61101, 61201, 61300, 61901, 61902, 61903, 61904, 61905, 61909, 82200
2.5 Perkhidmatan pajakan atau sewaan kelengkapan TMK	73124, 73210, 73215	77292, 77301, 77307

Keterangan	CPC Ver. 2	MCPA 2009 (5 Digit)
2.6 Perkhidmatan TMK lain	54614, 83325, 87120, 87130, 87151, 87152, 87153, 87155, 87331, 87332, 87340, 87350	33120, 33140, 33200, 43213, 43214, 62099, 71102, 95111, 95112, 95113, 95121, 95122, 95123, 95124, 95125, 95126, 95127, 95211, 95212, 95213, 95214, 95221
3. Produk kandungan dan media		
3.1 Cetakan dan lain-lain kandungan berasaskan teks pada media fizikal dan perkhidmatan berkaitan	32210, 32220, 32230, 32291, 32292, 32299, 32300, 32410, 32420, 32490, 32511, 32530, 32540, 32620, 32630, 32690, 32800, 47691, 47692, 83631, 84311, 85951, 89121	18110, 18120, 58110, 58120, 58130, 58190, 82196, 82199
3.2 Kandungan wayang gambar, video, televisyen dan radio dan perkhidmatan berkaitan	38950, 47620, 83632, 83919, 84611, 84612, 84621, 84622, 84631, 84632, 84633, 84634, 96121, 96122, 96123, 96131, 96132, 96133, 96134, 96135, 96136, 96137, 96139, 96140, 96150	59110, 59120, 59130, 59140, 60100, 60200, 74102
3.3 Kandungan muzik dan perkhidmatan berkaitan	32520, 47610, 89123, 96111, 96112, 96113	18200, 59200
3.4 Perisian permainan	38582, 47822, 84391	58202
3.5 Kandungan atas talian dan perkhidmatan berkaitan	73312, 83633, 84311, 84312, 84313, 84321, 84322, 84331, 84332, 84393, 84394, 84399	63120
3.6 Lain-lain kandungan dan perkhidmatan berkaitan	38941, 38942, 47699, 73320, 83611, 83620, 83639, 83811, 83812, 83813, 83814, 83815, 83819, 83820, 83940, 84410, 84420, 85991, 89110, 96330	63910, 63990, 73100, 74200, 90001, 90002, 90003, 90004, 90005, 90006, 90007, 90009

5. AKAUN PENGELUARAN INDUSTRI TMK

- a. **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** adalah jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Nilai ini merupakan nilai sebelum ditolak nilai peruntukan bagi modal tetap iaitu jumlah nilai ditambah pada harga pengeluar bagi pengeluar residen ditambah dengan duti import. KDNK ini juga bersamaan dengan perbelanjaan ke atas KDNK (pada harga pembeli) iaitu jumlah bagi semua komponen perbelanjaan akhir ke atas barangan dan perkhidmatan tolak dengan import barangan dan perkhidmatan.

KDNK boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu Kaedah Pengeluaran, Perbelanjaan dan Pendapatan.

- b. **Nilai ditambah** adalah perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.
- c. **Nilai Ditambah Kasar Industri TMK (NDKTMK)** ialah hasil tambah Nilai Ditambah Kasar bagi semua industri TMK.

6. AKAUN PENJANAAN PENDAPATAN INDUSTRI TMK

- a. **Pampasan pekerja** merangkumi saraan dalam bentuk wang tunai atau bukan tunai, yang perlu dibayar oleh sesebuah perusahaan kepada pekerja sebagai balasan bagi kerja-kerja yang telah dilakukan dalam tempoh perakaunan.
- b. **Lebihan kendalian kasar** merujuk kepada lebihan kendalian operasi sebelum ditolak penggunaan modal tetap dan pendapatan campuran.
- i. **Lebihan kendalian** adalah mengukur lebihan atau defisit terakru daripada proses pengeluaran sebelum ditolak apa-apa caj faedah implisit atau eksplisit, sewa atau pendapatan harta lain yang dibayar ke atas aset kewangan, tanah atau lain-lain sumber semula jadi yang diperlukan untuk menjalankan pengeluaran. Secara definisi, lebihan kendalian operasi hanya boleh diperolehi oleh industri.

- ii. **Pendapatan campuran** meliputi elemen ganjaran yang tidak diketahui bagi kerja yang dijalankan oleh pemilik enterpris atau ahli isi rumah, serta lebihan kendalian hasil daripada pengeluaran.
 - iii. **Penggunaan modal tetap** didefinisikan sebagai penurunan nilai semasa stok aset tetap yang dimiliki dan digunakan oleh pengeluar dalam tempoh perakaunan disebabkan oleh kerosakan fizikal, keusangan biasa atau kerosakan biasa yang tidak disengajakan.
- c. **Cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import** terdiri daripada cukai ke atas produk dan cukai lain ke atas pengeluaran ditolak subsidi ke atas produk dan subsidi lain ke atas pengeluaran.

i. **Cukai ke atas produk**

Cukai yang dibayar bagi satu unit barangan atau perkhidmatan dan biasanya akan dibayar apabila ia dikeluarkan, dihantar, dijual, dipindah atau sebaliknya dilupuskan oleh pihak pengeluar. Cukai tersebut mungkin merupakan satu amaun yang spesifik bagi setiap unit kuantiti barang atau perkhidmatan, atau ia mungkin dikira *ad valorem* sebagai peratusan spesifik harga satu unit atau nilai barang atau perkhidmatan yang diniagakan. Contohnya, cukai jualan, cukai eksais, duti import, duti eksport dan lain-lain.

ii. **Cukai lain ke atas pengeluaran**

Cukai lain ke atas pengeluaran meliputi semua cukai kecuali cukai ke atas produk yang ditanggung oleh perusahaan hasil penglibatan dalam pengeluaran seperti bayaran ke atas tanah, aset tetap atau buruh yang digunakan dalam proses pengeluaran atau untuk aktiviti atau transaksi tertentu. Contoh cukai lain ke atas pengeluaran adalah cukai yang dibayar oleh perusahaan bagi lesen perniagaan, cukai gaji, duti setem dan lain-lain.

iii. **Subsidi ke atas produk**

Subsidi yang dibayar bagi satu unit barang atau perkhidmatan. Subsidi ini mungkin dalam amaun spesifik bagi satu unit kuantiti barang atau perkhidmatan, atau ia mungkin dikira *ad valorem* sebagai peratusan spesifik harga satu unit barang atau perkhidmatan. Subsidi ke atas produk biasanya dibayar apabila barang atau perkhidmatan dikeluarkan, dijual atau diimport, tetapi ia juga dibayar dalam keadaan lain seperti apabila barang dipindah, dipajak, dihantar atau untuk penggunaan sendiri atau pembentukan modal sendiri.

Subsidi mungkin diberikan untuk mempengaruhi tahap pengeluaran perusahaan residen atau harga di mana output mereka dijual.

iv. Subsidi lain ke atas pengeluaran

Subsidi lain ke atas pengeluaran merangkumi subsidi selain daripada subsidi ke atas produk di mana perusahaan residen mungkin menerimanya hasil daripada penglibatan dalam pengeluaran seperti subsidi ke atas gaji atau tenaga kerja. Subsidi mungkin diberikan untuk mempengaruhi saraan bagi unit institusi yang terlibat dalam pengeluaran.

7. RANGKA KERJA ASTMK

Asas bagi penyusunan ASTMK di Malaysia adalah rangka kerja jadual penawaran dan penggunaan (SUT). Walau bagaimanapun, ia hanya memfokuskan kepada industri dan produk TMK sahaja. Jadual penawaran mengandungi barangan dan perkhidmatan bagi produk TMK yang dikeluarkan oleh setiap pengeluar. Sementara itu, jadual penggunaan mengandungi penggunaan bagi setiap produk TMK mengikut industri, kerajaan, isi rumah dan eksport.

Penawaran bagi setiap produk (dinilai pada harga pembeli) adalah terdiri daripada:

- Pengeluaran domestik mengikut industri (dinilai pada harga asas);
- Import;
- Pengangkutan, margin perdagangan bagi borong dan runcit; dan
- Cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import.

Penggunaan bagi setiap produk (dinilai pada harga pembeli) adalah terdiri daripada:

- Penggunaan perantaraan mengikut industri (produk yang digunakan mengikut industri tersebut diproses semula bagi menghasilkan produk lain); dan
- Penggunaan akhir mengikut jenis perbelanjaan. Penggunaan akhir adalah merujuk kepada produk yang digunakan oleh isi rumah dan kerajaan, perubahan inventori dan eksport.

Jadual penggunaan terperinci mengandungi input utama yang dikeluarkan bagi setiap industri iaitu pampasan pekerja, lebihan kendalian kasar dan lain-lain cukai tolak subsidi bagi setiap produk dan pengeluaran mengikut industri.

SUT digunakan untuk mengumpul dan mengintegrasikan semua data yang diperlukan bagi menghasilkan anggaran ekonomi berkaitan TMK secara agregat. Output terdiri daripada barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah pertubuhan yang boleh digunakan di luar daripada pertubuhan. Nilai bagi output TMK merupakan nilai pasaran bagi barangan dan perkhidmatan TMK. Nilai ditambah dikira bagi industri TMK dan industri bukan TMK yang mengeluarkan produk TMK. Jadual berikut menunjukkan struktur asas bagi SUT.

Jadual Penawaran

Penawaran mengikut produk	Output mengikut industri pada harga asas* (aktiviti ekonomi)				Import	Jumlah penawaran pada harga asas	Margin perdagangan dan pengangkutan	Cukai tolak subsidi ke atas produk	Jumlah penawaran pada harga pembeli**	
	Industri A	Industri B	Industri ...	Jumlah industri (1)						(2)
Produk TMK A					Import mengikut produk					
Produk TMK B										
Produk TMK C										
Produk TMK ...										
Jumlah penawaran (produk TMK)	Jumlah output mengikut industri				Jumlah import	Jumlah penawaran mengikut produk				

Jadual Penggunaan

Penggunaan mengikut produk	Penggunaan perantaraan mengikut industri (aktiviti ekonomi)				Perbelanjaan penggunaan akhir (2)	Pembentukan modal kasar (3)	Eksport (4)	Jumlah penggunaan pada harga pembeli** (5) = (1) + (2) + (3) + (4)
	Industri A	Industri B	Industri ...	Jumlah penggunaan perantaraan (1)				
Produk TMK A								
Produk TMK B	Penggunaan perantaraan mengikut produk dan industri				Penggunaan akhir mengikut produk dan jenis perbelanjaan***			
Produk TMK C								
Produk TMK ...								
Jumlah penggunaan (produk TMK)	Jumlah penggunaan perantaraan mengikut industri				Jumlah penggunaan akhir mengikut produk dan jenis perbelanjaan***			
Pampasan pekerja								
Lebihan kendalian kasar								
Cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import	Nilai ditambah mengikut komponen dan industri							
Output industri pada harga asas*								

Nota:

* Harga asas adalah harga yang diterima oleh pengeluar bagi setiap unit barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan sebagai output, tidak termasuk sebarang cukai yang perlu dibayar, termasuk subsidi yang diterima ke atas setiap produk hasil daripada pengeluaran atau penjualan. Ia juga tidak termasuk sebarang bayaran penghantaran yang dicaj secara berasingan oleh pengeluar.

** Harga pembeli adalah harga yang dibayar oleh pembeli di mana barangan dan perkhidmatan tersebut dihantar pada masa dan tempat yang ditentukan oleh pembeli. Ia termasuk sebarang caj pengangkutan yang dibayar secara berasingan oleh pembeli.

*** Jenis perbelanjaan adalah merujuk kepada perbelanjaan penggunaan akhir, pembentukan modal kasar dan eksport.

8. PENGUKURAN E-DAGANG

Pengukuran nilai ditambah e-dagang adalah berdasarkan manual *OECD Internet Economy Outlook 2012*. Dua kaedah pendekatan yang disarankan adalah *narrow approach* dan *broad approach*. *Narrow approach* hanya meliputi sektor Perdagangan borong dan runcit. Manakala, *broad approach* meliputi kesemua industri dalam ekonomi.

Diandaikan bahawa peratus keuntungan daripada e-dagang kepada keuntungan industri adalah berkadar dengan peratusan nilai ditambah e-dagang kepada nilai ditambah industri tersebut. *Broad approach* digunakan dalam pengukuran e-dagang di Malaysia. E-dagang terdiri daripada nilai bagi industri TMK dan industri bukan TMK.

9. SUMBER DATA

Sumber data dalam penyusunan ASTMK adalah seperti berikut:

INDUSTRI / DATA	SUMBER DATA
Industri pembuatan TMK	• KDNK
Industri perdagangan TMK	• Banci Ekonomi
Industri perkhidmatan TMK	• Survei Tahunan
Aktiviti penerbitan buku, terbitan berkala dan penerbitan lain	• SUT
Aktiviti wayang gambar, video dan program televisyen	
Aktiviti rakaman bunyi dan penerbitan muzik	
Aktiviti pemrograman dan penyiaran	
Aktiviti perkhidmatan maklumat lain	
Industri bukan TMK	
Eksport dan import bagi barang dan perkhidmatan TMK	• Perangkaan Perdagangan Luar Negeri • Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa
Cukai dan subsidi	• KDNK Kaedah Pendapatan
Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan	• Akaun Kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun
Perbelanjaan penggunaan akhir swasta	• KDNK • Survei Perbelanjaan Isi Rumah

INDUSTRI / DATA	SUMBER DATA
Pembentukan modal kasar	• KDNK • Pembentukan Modal Tetap Kasar
Pampasan pekerja	• KDNK Kaedah Pendapatan
Lebihan kendalian kasar	• KDNK Kaedah Pendapatan
Guna tenaga	• Survei Tenaga Buruh Tahunan • Survei Ekonomi Tahunan • Survei Perkhidmatan Suku Tahunan • Survei Pembuatan Bulanan • Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan

10. JADUAL UTAMA ASTMK

ASTMK mempunyai sembilan (9) jadual dan penerangannya adalah seperti berikut:

Jadual A1 : Industri TMK dan industri bukan TMK yang mengeluarkan produk TMK

Jadual A1 mengandungi statistik berkaitan semua industri yang mengeluarkan produk TMK. Jadual ini dijana berdasarkan SUT 2015 mengikut pengkelasan produk TMK. Bagi tahun-tahun seterusnya, data adalah berdasarkan KDNK tahunan.

Jadual A2.1, A2.2 dan A2.3 : Penawaran dan penggunaan produk TMK

Jadual A2.1, A2.2 dan A2.3 mempersembahkan statistik penawaran dan penggunaan produk TMK. Nilai penawaran mestilah sama dengan nilai penggunaan produk TMK. Data penawaran dan penggunaan produk TMK diperoleh daripada SUT 2015. Bagi tahun-tahun seterusnya, data adalah berdasarkan KDNK tahunan. Industri dan produk dipilih berdasarkan klasifikasi ASTMK. Data penawaran produk TMK terdiri daripada pengeluaran domestik produk TMK, import produk TMK dan cukai tolak subsidi ke atas produk TMK. Data penggunaan produk TMK pula terdiri daripada penggunaan perantaraan produk TMK, penggunaan akhir oleh isi rumah dan kerajaan ke atas produk TMK, pembentukan modal kasar produk TMK dan eksport produk TMK.

Jadual A3 dan A4 : Eksport dan import produk TMK

Jadual A3 dan A4 mengandungi statistik eksport dan import bagi produk TMK. Data daripada barangan diperolehi daripada perisytiharan kastam (Perangkaan Perdagangan Antarabangsa) di mana penyusunan adalah berdasarkan kod *Harmonized Commodity Description and Coding Systems (HS)*.

Manakala, nilai eksport dan import perkhidmatan diperolehi daripada data Perangkaan Imbangan Pembayaran. Penyusunan ini juga telah mengambil kira saranan daripada 2008 SNA serta *Balance of Payments and International Investment Position Manual Sixth Edition (BPM6)* khususnya dalam pelaksanaan *Goods for Processing from Abroad (GFP)* dan *Manufacturing Services (MS)*.

Eksport bersih adalah salah satu pemboleh ubah penting yang digunakan untuk pengiraan KDNK. Apabila eksport bersih positif, maka ia menunjukkan lebih perdagangan dan jika negatif, ia bermaksud defisit perdagangan.

$$\text{Eksport Bersih} = \text{Nilai Eksport} - \text{Nilai Import}$$

Jadual A5 : Komponen pendapatan industri TMK

Jadual A5 mengandungi statistik komponen pendapatan industri TMK yang terdiri daripada pampasan pekerja, lebihan kendalian kasar dan cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import. Data ini dijana berdasarkan SUT 2015 mengikut industri TMK. Bagi tahun-tahun seterusnya, data adalah berdasarkan KDNK kaedah pendapatan tahunan.

Jadual A7.1, A7.2 dan A7.3 : Nilai Ditambah Kasar Industri TMK

Jadual A7.1, A7.2 dan A7.3 terdiri daripada statistik Nilai Ditambah Kasar Industri TMK pada harga semasa. Pengukuran Nilai Ditambah Kasar Industri TMK adalah hasil tambah Nilai Ditambah Kasar bagi semua industri TMK. Data adalah berdasarkan KDNK tahunan.

Jadual A8.1 dan A8.2 : Nilai Ditambah Kasar e-dagang

Terdapat dua jadual bagi Nilai Ditambah Kasar e-dagang. **Jadual A8.1** memaparkan statistik Nilai Ditambah Kasar e-dagang mengikut industri TMK manakala **Jadual A8.2** adalah Nilai Ditambah Kasar e-dagang mengikut sektor utama. Pengukuran Nilai Ditambah Kasar e-dagang adalah berdasarkan kepada *OECD Internet Economy Outlook 2012*. Data adalah berdasarkan kepada peratus pendapatan e-dagang mengikut industri yang diperolehi daripada Banci Ekonomi Penggunaan ICT dan E-Dagang (ICTEC).

Jadual 9 : Sumbangan TMK kepada ekonomi

Jadual 9 adalah statistik TMK kepada ekonomi yang mana terdiri daripada Nilai Ditambah Kasar Industri TMK (Jadual 7) dan Nilai Ditambah Kasar e-dagang bagi industri bukan TMK (Jadual A8).

Penerbitan ini mempersembahkan ASTMK bagi tahun 2015 hingga 2024. Siri ini akan dikemaskini berdasarkan data terkini yang diperoleh.

11. SEMAKAN PENERBITAN DAN DATA

Penerbitan ini mempersembahkan ASTMK bagi tahun 2015 hingga 2024. Siri ini akan dikemaskini berdasarkan data terkini yang diperoleh.

12. SIMBOL

- : negatif
- .. : tidak berkenaan
- e : anggaran
- p : permulaan
- 0 : nilai kurang daripada 0.05
- % : peratus

C) PERKHIDMATAN MAKLUMAT & KOMUNIKASI SUKU TAHUNAN

1. PENDAHULUAN

Data Maklumat & Komunikasi ini dikumpul melalui Survei Perkhidmatan Suku Tahunan bermula tahun 2009. Walau bagaimanapun, untuk tujuan penerbitan ini, data yang dilaporkan adalah bermula tahun 2020.

2. OBJEKTIF

Penerbitan ini membentangkan maklumat jumlah hasil/ nilai jualan, bilangan pekerja dan gaji & upah dalam sektor perkhidmatan. Penyiasatan yang dijalankan ini adalah untuk:

- Menyediakan indikator jangka pendek sektor perkhidmatan;
- Menyediakan input dalam penyusunan Indeks Perkhidmatan Suku Tahunan;
- Menyediakan maklumat bagi penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar Suku Tahunan; dan
- Membantu pihak kerajaan dan organisasi lain termasuk komuniti perniagaan dalam merancang dan membuat keputusan.

3. SKOP DAN LIPUTAN

Survei ini meliputi semua pertubuhan yang berdaftar dengan badan-badan kawal selia yang terlibat dalam; Maklumat & Komunikasi.

4. KONSEP DAN DEFINISI

Klasifikasi industri adalah berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 Ver.1.0. Klasifikasi yang diguna pakai adalah selaras dengan *International Standard Industrial Classification All Economic Activities, Revision 4, United Nations Statistics Division*.

5. MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Merujuk kepada aktiviti penerbitan, penerbitan wayang gambar, video & program televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik, pemrograman & penyiaran, perkhidmatan telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan dan perkhidmatan maklumat.

6. UNIT PELAPORAN

Penyiasatan ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pertubuhan. Pertubuhan ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu aktiviti, di bawah penguasaan tunggal yang sah dan beroperasi di satu lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berdasarkan aktiviti utama dan bukannya mengikut syarikat induk.

7. HASIL

Hasil merujuk kepada penerimaan yang diterima atau akan diterima untuk perkhidmatan yang diberikan dan transaksi lain yang dibuat semasa suku tahun rujukan. Ia terdiri daripada hasil operasi dan hasil bukan operasi.

8. BILANGAN PEKERJA

Jumlah pekerja termasuk semua pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif, pekerja keluarga yang tidak bergaji dan pekerja yang bekerja pada tempoh gaji terakhir bagi suku tahun rujukan. Ia juga termasuk pekerja sambilan yang di dalam daftar gaji dan orang yang mogok dan bercuti jangka pendek (cuti sakit, cuti kecemasan atau cuti rehat). Mereka yang tidak dimasukkan terdiri daripada pekerja-pekerja yang bercuti berpanjangan dan pesara.

9. GAJI & UPAH YANG DIBAYAR

Gaji & upah yang dibayar merujuk kepada pembayaran tunai, termasuk bonus, komisen, bayaran lebih masa, kos sara hidup dan elaun yang dibayar kepada semua pekerja bergaji dalam tempoh suku tahun rujukan. Manakala caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut dimasukkan, manakala caruman oleh majikan dikecualikan. Elaun kepada pemilik yang bekerja, rakan niaga yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji juga dikecualikan.

10. KUASA PERUNDANGAN

Maklumat yang dikumpul adalah mengikut peruntukan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989). Seksyen 5 di bawah Akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah sulit dan hanya angka agregat diterbitkan. Sementara itu, Seksyen 7 di bawah Akta yang sama memperuntukkan denda kepada responden yang gagal memberi kerjasama kepada penyiasatan yang dijalankan.

11. PINDAAN POLISI

Bagi data bulanan, perubahan tertakluk kepada sumber data, semakan adalah $t-1$ di mana t merujuk kepada bulan semasa.

Bagi data suku tahunan, perubahan tertakluk kepada sumber data, semakan adalah $t-1$ di mana t merujuk kepada suku tahun semasa.

Bagi data tahunan, perubahan tertakluk kepada sumber data, semakan adalah $t-3$ di mana t merujuk kepada tahun semasa.

12. METODOLOGI

12.1 Populasi

Semua pertubuhan yang terlibat dengan Survei Perkhidmatan Suku Tahunan Maklumat dan Komunikasi meliputi 35 industri lima (5) digit dan berasaskan kod Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 Ver 1.0. Populasi.

12.2 Rangka pensampelan

Berdasarkan populasi yang telah dikenal pasti, pertubuhan yang beroperasi seperti pada Disember 2024 disenaraikan sebagai rangka pensampelan.

12.3 Reka bentuk pensampelan

Reka bentuk pensampelan bagi survei ini adalah pensampelan rawak strata satu peringkat. Kategori industri di peringkat nasional telah diklasifikasikan sebagai strata manakala pertubuhan sebagai unit pensampelan.

12.4 Saiz sampel

Statistik utama yang digunakan untuk penganggaran saiz sampel adalah jumlah hasil. Formula yang digunakan dalam penganggaran saiz sampel dengan menggunakan kaedah *Neyman Allocation* seperti berikut:

$$n = \frac{(\sum N_i S_i)^2}{V + \sum N_i S_i^2}$$

di mana;

n	=	Saiz sampel
N_i	=	Saiz populasi bagi strata i
S_i^2	=	Varian bagi strata i
V	=	Varian sasaran

$$V = RSE^2 \cdot \left(\frac{\hat{Y}_i}{Z} \right)^2$$

di mana;

$$\begin{aligned} \hat{Y}_i &= \text{Jumlah nilai hasil bagi strata } i \\ RSE &= \text{Ralat piawai relatif} \\ Z &= \text{Nilai aras keyakinan} \end{aligned}$$

Sampel akan diagihkan kepada sub strata dalam industri liputan dengan menggunakan kaedah seperti berikut:

$$n_{hi} = \left(\frac{N_h S_h}{\sum N_h S_h} \right) n_i$$

$$h = 2, 3 \text{ dan } 4$$

$$i = 1, 2, \dots, k$$

di mana;

$$\begin{aligned} n_{hi} &= \text{Saiz sampel bagi sub strata } h \text{ dalam strata } i \\ N_h &= \text{Saiz populasi bagi sub strata } h \\ S_h &= \text{Sisihan piawai bagi sub strata } h \\ n_i &= \text{Saiz sampel bagi strata } i \\ h &= \text{Sub strata} \\ i &= \text{Strata} \end{aligned}$$

Pertubuhan bagi substrata utama dikategorikan kepada 4 kumpulan iaitu kategori besar 1, besar 2, besar 3 dan besar 4. Pertubuhan kategori besar 1 diliputi sepenuhnya manakala pertubuhan bagi substrata besar 2, 3 dan 4 serta substrata PMKS dipilih secara rawak mengikut kaedah pensampelan bersistematik.

12.5 Wajaran

Analisis berwajaran disediakan menggunakan wajaran bagi memastikan sampel yang dipilih dapat menggambarkan populasi survei. Wajaran yang diperlukan adalah wajaran di peringkat reka bentuk pensampelan dan wajaran tiada respon.

Wajaran reka bentuk pensampelan pada substrata h adalah seperti berikut :

$$W_h = \frac{N_h}{n_h}, h = 1, \dots, 4$$

di mana,

N_h = Bilangan populasi bagi sub strata h ; dan

n_h = Bilangan sampel bagi sub strata h

Wajaran tiada respons pada sub strata h

$$NRW_h = \frac{1}{n'_h/n_h}, h = 1, \dots, 4$$

di mana;

n'_h = Bilangan sampel respons bagi sub strata h

n_h = Bilangan sampel bagi sub strata h

Kaedah pengiraan wajaran reka bentuk pensampelan selepas survei (*adjusted weight*) pada sub strata h seperti berikut:

$$W'_h = W_h \times NRW_h, h = 1, \dots, 4$$

di mana;

W_h = Wajaran reka bentuk pensampelan pada sub strata h

NRW_h = Wajaran tiada respons pada sub strata h

13

PEMBUNDARAN

Penjumlahan komponen mungkin berbeza dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

D) PENGGUNAAN ICT DAN E-DAGANG OLEH PERTUBUHAN

1. PENDAHULUAN

Penerbitan ini membekalkan maklumat petunjuk ICT bagi Penggunaan ICT dan E-Dagang oleh Pertubuhan bagi tahun rujukan 2023. Data tersebut dikumpul dan disusun daripada Survei E-Dagang Tahunan 2024.

Petunjuk ICT telah dibangunkan oleh *World Summit on the Information Society (WSIS)* dan telah dilancarkan pada Jun 2004. Tujuan senarai petunjuk ini adalah sebagai panduan/ input kepada negara-negara yang menjalankan survei data ICT. Senarai petunjuk ini juga boleh membantu dalam mengeluarkan data ICT yang berkualiti dan perbandingan di peringkat antarabangsa.

Terdapat 48 petunjuk ICT di dalam 6 kumpulan seperti berikut:

- | | |
|--|---------------|
| • Infrastruktur dan akses ICT | - 10 petunjuk |
| • Penggunaan dan akses ICT oleh isi rumah dan individu | - 13 petunjuk |
| • Penggunaan ICT oleh perniagaan | - 12 petunjuk |
| • Sektor ICT (Pengeluaran) | - 2 petunjuk |
| • Perdagangan Antarabangsa bagi barangan ICT | - 2 petunjuk |
| • ICT di dalam pendidikan | - 9 petunjuk |

2. KUASA PERUNDANGAN

Survei E-Dagang Tahunan dilaksanakan di bawah **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. Di bawah **Seksyen 5** Akta ini, mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia dikehendaki memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah **sulit** dan hanya angka agregat yang diterbitkan.

3. SKOP DAN LIPUTAN

Penerbitan ini menggunakan data daripada Survei E-Dagang Tahunan 2024 (tahun rujukan 2023). Survei ini mengumpul maklumat daripada pertubuhan berdaftar dalam sektor Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Klasifikasi industri merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 yang selaras dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision. 4, United Nations*. Liputan bagi keseluruhan sektor merangkumi 1,122 kategori industri seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan industri mengikut sektor

Sektor	Bilangan Industri
Pertanian*	140
Perlombongan & pengkuarian	56
Pembuatan	259
Pembinaan	72
Perkhidmatan	595
Jumlah	1,122

Nota:

(*) Usahawan dalam sektor Pertanian yang hanya berdaftar dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi maksud menerima bantuan **TIDAK** diliputi kecuali pengusaha kelapa sawit.

4. SUMBER RANGKA STATISTIK

Sumber utama rangka statistik pertubuhan adalah daripada *Malaysia Statistical Business Register (MSBR)* manakala bagi subsektor Penginapan termasuk perniagaan inap desa yang tidak berdaftar. MSBR adalah senarai pertubuhan/ perusahaan yang beroperasi di Malaysia yang merangkumi Daftar Syarikat (ROC), Daftar Perniagaan (ROB) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta pertubuhan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan profesional. Senarai di MSBR dikemaskini secara berkala berdasarkan survei dan bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan sumber data pentadbiran daripada pelbagai agensi. Sumber utama data pentadbiran adalah daripada SSM.

Selain itu, DOSM juga bekerjasama dengan agensi lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), PBT, dan badan profesional. Rangka dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baru dan sebarang perubahan yang berlaku kepada pertubuhan tersebut seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti dan lokasi/ alamat pos untuk memastikan maklumat yang terdapat dalam rangka adalah yang paling terkini.

5. JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau memberi sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder didefinisikan sebagai aktiviti sampingan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri bagi pertubuhan adalah berasaskan kepada aktiviti utama dan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 Ver. 1.0. MSIC 2008 yang diselaraskan dengan *International Standard Industrial Classification of All Economics Activities (ISIC), Rev. 4*, yang diterbitkan oleh United Nations Statistic Division, dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tempatan

6. KONSEP DAN DEFINISI

Industri tersebut dikategorikan kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan, dan Perkhidmatan. Definisi sektor adalah seperti berikut:

6.1 Pertanian

Merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain, serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Terdapat empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan, & pembalakan dan perikanan.

6.1.1 Tanaman merujuk kepada penanaman dan pengeluaran produk tanaman termasuk pertanian organik. Tanaman juga meliputi penanaman tanaman tidak kekal dan kekal untuk tujuan pengeluaran benih;

6.1.2 Ternakan merujuk kepada binatang atau unggas yang dipelihara untuk tujuan komersil atau pembiakbakaan. Pengeluaran ternakan termasuk penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan serta pengeluaran daripada hasil ternakan seperti telur, susu, madu, dan sebagainya;

6.1.3 Perhutanan dan pembalakan termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasaskan kayu, meliputi pengekstrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses turut disertakan. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. Ia juga termasuk sebahagian daripada aktiviti operasi perhutanan berdasarkan bayaran atau secara kontrak; dan

6.1.4 Perikanan termasuk perikanan tangkapan dan akuakultur meliputi penggunaan sumber perikanan daripada laut, air payau atau air tawar dengan tujuan menangkap dan mengumpul ikan, krustasia, moluska dan organisma dan produk laut lain. Akuakultur ialah proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi.

6.2 Perlombongan dan Pengkuarian

Perlombongan dan Pengkuarian termasuk pengekstrakan mineral yang terjadi secara semulajadi seperti pepejal (batu arang dan bijih), cecair (petroleum) atau gas (gas asli). Pengekstrakan boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah seperti perlombongan bawah tanah atau dedah, pengoperasian telaga, perlombongan dasar laut dan lain-lain. Walau bagaimanapun, subsektor perlombongan mineral dan pengkuarian tidak diliputi dalam penerbitan ini.

6.3 Pembuatan

Perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera pacuan kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dilaksanakan di kilang atau di rumah pekerja dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit.

Pengelasan lapan (8) subsektor mengikut bahagian adalah seperti berikut:

Bahagian	Keterangan
Produk makanan	
10	Pembuatan produk makanan
Minuman dan produk tembakau	
11	Pembuatan minuman
12	Pembuatan produk tembakau
Produk tekstil, pakaian dan kulit	
13	Pembuatan tekstil
14	Pembuatan pakaian
15	Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan	
16	Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman perabot
17	Pembuatan kertas dan produk kertas
18	Percetakan dan penerbitan semula media rakaman
31	Pembuatan perabot
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	
19	Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis
20	Pembuatan kimia dan produk kimia
21	Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani
22	Pembuatan produk getah dan plastik

Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka

- | | |
|----|---|
| 23 | Pembuatan produk galian bukan logam lain |
| 24 | Pembuatan logam asas |
| 25 | Pembuatan produk logam, kecuali mesin dan kelengkapan |
-

Produk elektrik, elektronik dan optikal

- | | |
|----|---|
| 26 | Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal |
| 27 | Pembuatan kelengkapan elektrik |
| 28 | Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l. |
-

Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan

- | | |
|----|--|
| 29 | Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler |
| 30 | Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain |
| 32 | Pembuatan lain |
| 33 | Membaiki dan pemasangan jentera dan kelengkapan |

6.4 Pembinaan

Ditakrifkan sebagai pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya.

6.5 Perkhidmatan

Perkhidmatan berkaitan Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara; Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan; Perdagangan Borong & runcit; Pengangkutan & penyimpanan; Maklumat & komunikasi; Penginapan; Makanan & minuman; Kewangan; Hartanah; Profesional, saintifik & teknikal; Pentadbiran & khidmat sokongan; Pendidikan swasta; Kesihatan swasta & kerja sosial; Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti.

- 6.5.1 Bekalan elektrik, gas, wap & pendinginan udara** adalah ditakrifkan sebagai aktiviti pembekalan tenaga elektrik, gas asli, wap, air panas dan seumpamanya melalui satu infrastruktur (rangkaian) tetap bagi talian, saluran utama dan paip. Dimensi rangkaian ini tidak dapat ditentukan; juga termasuk pengagihan elektrik, gas, wap, air panas dan seumpamanya di kawasan perindustrian atau bangunan tempat kediaman. Oleh itu, seksyen ini termasuk operasi utiliti elektrik dan gas yang menjana, mengawal dan mengagih tenaga elektrik atau gas. Juga termasuk bekalan wap dan pendinginan udara;
- 6.5.2 Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan** meliputi aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sisa termasuk pungutan, perawatan dan pelupusan seperti sisa terjadual, sisa pepejal dan air sisa daripada perindustrian dan isi rumah, termasuk juga pemulihan bahan dan tapak yang tercemar. Hasil sisa daripada proses perawatan boleh dilupus atau menjadi input kepada proses pengeluaran yang lain. Aktiviti yang berkaitan dengan perawatan dan bekalan air juga dimasukkan dalam sektor ini;
- 6.5.3 Perdagangan borong & runcit** merangkumi perdagangan borong, perdagangan runcit, dan pembaikan kenderaan bermotor & motosikal;
- 6.5.4 Pengangkutan & penyimpanan** meliputi pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan darat, pengangkutan muatan melalui jalan raya, pengangkutan darat lain, pengangkutan air, penggudangan & aktiviti sokongan seperti pengoperasian terminal, tempat letak kereta, pengoperasian lebuh raya, pengoperasian pelabuhan, pengendalian kargo/ pemunggahan, agensi perkapalan & penghantaran serta lain-lain aktiviti sokongan perkhidmatan pengangkutan;
- 6.5.5 Maklumat & komunikasi** terdiri daripada aktiviti penerbitan, penerbitan wayang gambar, video & program televisyen, rakaman bunyi & penerbitan muzik, pemrograman & penyiaran, perkhidmatan telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan & aktiviti yang berkaitan dan perkhidmatan maklumat;
- 6.5.6 Perkhidmatan penginapan** merujuk kepada penyediaan tempat penginapan jangka pendek berbayar, sama ada dibuka kepada orang awam atau terhad kepada ahli sebuah pertubuhan tertentu. Ianya tidak termasuk penyewaan tempat tinggal berperabot jangka panjang yang dikelaskan dalam Hartanah;

- 6.5.6 Perkhidmatan penginapan** merujuk kepada penyediaan tempat penginapan jangka pendek berbayar, sama ada dibuka kepada orang awam atau terhad kepada ahli sebuah pertubuhan tertentu. Ianya tidak termasuk penyewaan tempat tinggal berperabot jangka panjang yang dikelaskan dalam Hartanah;
- 6.5.7 Perkhidmatan makanan & minuman** termasuk perkhidmatan makanan & minuman yang menyediakan hidangan atau minuman lengkap untuk penggunaan segera, sama ada di restoran tradisional, restoran layan diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal atau sementara dengan atau tiada kemudahan tempat duduk;
- 6.5.8 Perkhidmatan kewangan** adalah meliputi aktiviti perantaraan kewangan; aktiviti perkhidmatan kewangan lain dan aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan; aktiviti insurans/ takaful, insurans takaful semula dan tabungan pencen & hemat; dan aktiviti sokongan kepada insurans/ takaful dan tabungan pencen;
- 6.5.9 Perkhidmatan hartanah** termasuk tindakan seperti pemberi pajak, agen dan atau broker di dalam satu atau lebih daripada yang berikut: penjualan atau pembelian hartanah, penyewaan hartanah, penyediaan perkhidmatan hartanah lain seperti penilaian hartanah, pengurusan hartanah atau bertindak sebagai agen hartanah eskrow. Aktiviti dalam bahagian ini mungkin dijalankan di atas hartanah milikan sendiri atau pajakan dan mungkin berlaku atas dasar bayaran atau kontrak. Termasuk juga pembangunan struktur, berserta mengekalkan hak milik atau pajakan bagi struktur tersebut;
- 6.5.10 Perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal** termasuk aktiviti profesional khusus, saintifik dan teknikal yang memerlukan tahap latihan yang tinggi dan menjadikan pengetahuan dan kemahiran khusus tersedia kepada pengguna. Aktiviti yang dijalankan termasuk aktiviti guaman & perakaunan, aktiviti ibu pejabat, aktiviti perundingan pengurusan, aktiviti arkitek & kejuruteraan, ujian & analisis teknikal, penyelidikan & pembangunan saintifik, pengiklanan & penyelidikan pasaran, profesional lain, aktiviti saintifik & teknikal dan veterinar;

- 6.5.11 Perkhidmatan pentadbiran & khidmat sokongan** termasuk pelbagai aktiviti yang menyokong operasi am perniagaan meliputi aktiviti sewaan & pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan & aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan & penyiasatan, aktiviti perkhidmatan bangunan & lanskap dan aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat & perniagaan lain;
- 6.5.12 Perkhidmatan pendidikan swasta** merujuk kepada pertubuhan yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi yang menyediakan perkhidmatan pelajaran akademik, vokasional dan perdagangan. Aktiviti yang diliputi dalam kumpulan ini ialah pendidikan pra sekolah & pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi, pendidikan lain dan perkhidmatan sokongan lain;
- 6.5.13 Perkhidmatan kesihatan swasta & kerja sosial** meliputi aktiviti hospital, aktiviti amalan perubatan & pergigian, aktiviti kesihatan dan kemanusiaan lain, aktiviti rumah penjagaan, dan aktiviti kerja sosial tanpa penginapan;
- 6.5.14 Perkhidmatan kesenian, hiburan & rekreasi** termasuk pelbagai aktiviti bagi memenuhi minat orang awam dalam aktiviti kebudayaan, hiburan dan rekreasi meliputi persembahan secara langsung, operasi muzium, perjudian, sukan dan aktiviti rekreasi; dan
- 6.5.15 Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti** termasuk aktiviti keahlian organisasi, aktiviti organisasi keahlian perniagaan, majikan & profesional, aktiviti kesatuan buruh, aktiviti keahlian organisasi lain, pembaikan komputer & barangan persendirian dan isi rumah dan aktiviti perkhidmatan seperti basuhan dan cucian kering tekstil dan produk berbulu; dandanan rambut dan penjagaan kecantikan lain; dan pengebumian dan aktiviti perkhidmatan lain.

7. DEFINISI ICT

Berdasarkan definisi daripada *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*, 2015:

a) Komputer

Termasuk komputer peribadi, komputer mudah alih (cth. komputer riba), tablet dan peranti mudah alih yang lain seperti *telefon pintar.

Note:

* Malaysia termasuk telefon pintar

b) Intranet

Merujuk kepada rangkaian komunikasi dalaman menggunakan protokol internet dan membolehkan komunikasi dalam organisasi.

c) Extranet

Merujuk kepada rangkaian tertutup yang menggunakan protokol internet dengan selamat dalam perkongsian maklumat perniagaan dengan pembekal, *vendor*, pelanggan atau rakan kongsi perniagaan lain. Ia juga boleh menjadi sebahagian daripada laman web peribadi perniagaan, yang mana rakan perniagaan boleh melayari selepas disahkan dalam halaman log masuk.

d) Rangkaian kawasan setempat (LAN)

Rangkaian yang menghubungkan komputer dan peranti yang berkaitan di dalam kawasan setempat seperti bangunan persendirian, jabatan atau tapak; ia juga mungkin tanpa wayar.

e) Rangkaian kawasan setempat tanpa wayar (WLAN)

Rangkaian kawasan setempat yang menggunakan gelombang radio frekuensi tinggi dan bukannya wayar untuk berkomunikasi antara peranti yang dibolehkan oleh rangkaian. WLAN membolehkan pengguna bergerak di sekitar kawasan kecil dalam radius 20 hingga 91 meter.

f) Rangkaian kawasan luas (WAN)

Rangkaian yang menghubungkan komputer dan peranti yang berkaitan dalam kawasan geografi yang luas, seperti rantau atau negara.

g) Jalur lebar tetap

Merujuk kepada teknologi dengan kelajuan sekurang-kurangnya 256 kbit/s dalam satu atau kedua-dua arah. Ia terdiri daripada jalur lebar tetap berwayar dan jalur lebar tetap tanpa wayar.

Akses internet melalui jalur lebar tetap berwayar yang paling banyak digunakan untuk menghantar/ menerima maklumat adalah melalui kabel/ gentian optik (ADSL, SDSL, VDSL), teknologi fiber optik/ teknologi kabel.

h) Jalur lebar mudah alih

Merujuk kepada teknologi pada kelajuan tidak kurang daripada 256 kbit/s dalam satu atau kedua-dua arah. Ia meliputi teknologi seperti 3G/ LTE/ 4G, 5G, UMTS, CDMA2000 dan teknologi masa hadapan termasuk kedua-dua langganan data standard dan khusus. Kebiasaannya digunakan untuk peranti mudah alih (cth. komputer riba, tablet, modem tanpa wayar USB, telefon pintar dan peranti mudah alih lain).

Sambungan jalur lebar mudah alih ke internet merujuk kepada akses melalui *WIFI hotspot (tethering)* dan bukannya melalui *router* (cth. *USB dongle/ modem/ surfstick* seperti *YES dongle* dsb.).

i) Laman sesawang

